

## Pengenalan

### Latar Belakang

Keruntuhan Empayar Uthmaniah di Turki dan penghapusan sistem khalifah oleh Kamal Attaturk pada tahun 1924 merupakan klimaks kemerosotan penguasaan Islam dalam peradaban dunia setelah hampir empatbelas abad kaum Muslimin memainkan peranan dalam perkembangan peradaban. Peranan ini telah digantikan oleh kuasa lain iaitu kuasa Barat. Perang Dunia Pertama memberikan tamparan hebat kepada dunia Islam apabila berkuburnya Kesultanan Uthmaniah dan kekhilafah Islam yang berumur 1300 tahun. Meskipun kekhilafahan Kesultanan Uthmaniah bukanlah sepenuhnya mencerminkan akhlak Islam namun ia merupakan lambang kekuasaan politik umat Islam secara keseluruhannya. Dunia Islam ketika itu ibarat kebun yang penuh tanaman yang subur dan bunga-bunga yang indah tetapi tanpa pagar pelindung dan penjaga kebun yang bertanggungjawab. Keadaan umat Islam tersebut seperti yang digambarkan oleh Rasulullah Saw. "Kamu sekalian akan dikerumuni (dirampas beramai-ramai) oleh umat-umat manusia seperti halnya santapan dikerumuni orang-orang lapar. Kerana kamu semuanya ibarat buih, jumlahnya banyak tetapi tidak memiliki kualiti."<sup>1</sup>

Dalam suasana umat Islam sebeginilah, di benua kecil India muncul seorang tokoh kebangkitan ummah yang terkenal dengan pemikiran dan gasasannya melalui penulisan-penulisannya dan juga pendekatan praktikal melalui jamaah yang beliau tubuhkan. Beliau yang dimaksudkan adalah Abul A'la Al Maududi yang menjadi

<sup>1</sup> Hussein bin Muhammad, **Menuju Jama'atul Muslimin, Analisis Sistem Jama'ah Dalam Gerakan Islam**, (Terjemahan Anuar Rafiq). Pustaka Syuhada. Kuala Lumpur, 1992, hlm. iii.

topik perbincangan di dalam penulisan ini. Abul A'la Al Maududi merupakan tokoh pemikir Islam yang ulung. Beliau telah memberikan saranan yang banyak dan sumbangsan yang besar ke arah membangunkan pemikiran umat Islam. Beliau berusaha bersungguh-sungguh memahamkan masyarakat tentang hakikat Islam yang sebenarnya dan juga tanggungjawab mereka di muka bumi ini melalui penulisan-penuliannya yang banyak, meliputi seluruh aspek kehidupan.

Tidak sekadar itu, beliau sendiri bergerak cergas dalam melaksanakan cita-citanya untuk membawa kembali umat Islam kepada ajaran Allah dan Rasulnya dengan menyusun program menyedarkan masyarakat, berdakwah dan terlibat secara langsung dengan proses politik di Pakistan melalui Jama'at-i Islami yang ditubuhkannya. Beliau merupakan tokoh pembentuk sejarah yang berperanan menggerakkan masyarakat ke arah kebangkitan; menggabungkan sekaligus antara akademik dan praktis, etika dan keagamaan, sosial dan ekonomi, perancangan dan politik dalam bentuk yang progresif.

Maududi menyeru umat Islam di seluruh dunia agar menyedari tanggungjawab dan kewajipan yang dipikul ke atas mereka sebagai seorang mukmin yang patuh terhadap penciptaNya

## **Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat dan memahami pemikiran, gagasan serta pendekatan yang digunakan oleh Maududi dalam memperjuangkan kebangkitan

Islam dan pembinaan peradaban Islam di benua kecil India. Di samping itu juga kajian ini cuba melihat reaksi pelbagai pihak terhadap dakwah dan perjuangan politik yang beliau lakukan bersama Jama'at-i Islami

Selain daripada itu, kajian ini juga mencangkupi perkara-perkara penting seperti latar belakang kebangkitan Islam di benua kecil India, pemikiran dan tokoh-tokoh kebangkitan Islam, latar belakang dan persekitaran kehidupan Maududi sejak kecil hingga dewasa yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan beliau dalam memperjuangkan Islam.

### **Ruang Lingkup Kajian**

Ruang lingkup kajian ini adalah dalam membincangkan pemikiran Abul A'la Al Maududi khasnya mengenai pembentukan peradaban Islam. Ia juga akan memberikan perhatian terhadap kegiatan-kegiatan yang beliau laksanakan dalam menyebarkan idea-idea Islam dan peradaban Islam sama ada dalam bentuk individu sewaktu bekerja sebagai wartawan mahupun bersama Jama'at-i Islami. Ia melibatkan pelbagai saluran dan juga media. Kajian ini akan meneliti latar belakang dan persekitaran yang mewarnai pemikiran Maududi.

Secara keseluruhannya, kajian ini cuba meninjau satu siri usaha kebangkitan Islam sewaktu umat Islam berada dalam keadaan yang lemah, kerana rentgangnya ikatan Al-Quran dan Al-Sunnah yang menjadi tunjang utama kepada pembinaan dan kecemerlangan peradaban ummah.

## **Metodologi Kajian**

Dalam membuat kajian ini penulis menggunakan pendekatan sejarah iaitu melihat perkembangan tokoh dalam tempoh tertentu. Pendekatan sejarah ini meliputi biografi, latar belakang masyarakat, hubungan dengan masyarakat, personaliti tokoh, pengaruh pemikiran dan gagasannya.

Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian ini diperolehi dengan mengkaji hasil penulisan Maududi sebagai data utama dan buku-buku pengarang lain yang banyak membicarakan tentang pemikiran dan kegiatan beliau. Kebanyakkan buku rujukan penulis adalah hasil karya Maududi yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris dari bahasa Urdu mahupun buku-buku terjemahan dalam bahasa Malaysia di samping buku-buku dan artikel penulis tempatan mengenai pemikiran Maududi.

Penelitian utama dalam kajian ini akan dilakukan terhadap premis (asas) pemikiran beliau tentang pembentukan peradaban ummah. Dari sini boleh dilihat bagaimana keselarasan antara pemikiran dan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam membentuk peradaban ummah khususnya di benua kecil India.

## **Sorotan Karya**

Terdapat banyak buku dan artikel yang membincangkan mengenai pemikiran dan kegiatan Maududi. Buku-buku dan artikel tersebut adalah hasil penulisan beberapa orang sarjana dan penulis-penulis terkemuka. Antara yang menonjol adalah Khurshid Ahmad dan Zafar Ishaq Ansari, Maryam Jameelah, Abul Hassan Ali An Nadwi, Altaf Gauhar, Seyyed Vali Reza Nasr, Misbahul Islam Faruqi, Sayed As'ad

Gilani, Sarwant Saulat dan Ishtiaq Husain Qureshi. Di Malaysia, penulis yang banyak mengkaji pemikiran Maududi adalah Mustafa Hj. Daud. Selain itu Abd Rahman Hj. Abdullah, Ruzman Md. Noor dan Mohd. Mokhtar Shafie adalah mereka yang turut sama berada di dalam kelompok penganalisa serta mengetengahkan perbendaharaan ilmu dan sumbangan Maududi.

Maryam Jameelah adalah tokoh yang begitu komited mengikuti pemikiran Maududi. Buku tulisan beliau, **Who Is Maudoodi?**<sup>2</sup> menceritakan riwayat hidup Maududi dari latar belakang, penglibatan sebagai wartawan dan editor pelbagai akhbar, hasil-hasil penulisan serta kegiatan politik Maududi sebelum dan selepas pemisahan India pada tahun 1947. Antara lain buku ini menceritakan arah pemikiran Maududi dalam membuat keputusan sewaktu berhadapan dengan pelbagai keadaan yang dihadapi oleh umat Islam di benua kecil India. Buku ini turut menceritakan kegiatan-kegiatan Maududi sama ada penglibatan dalam bidang politik, dakwah dan kemasyarakatan serta sumbangan kepada dunia Islam selama menerajui Jama'at-i Islami. Maryam Jameelah turut menyatakan rasa kagum terhadap keperibadian dan ketokohan Maududi sebagai seorang pejuang Islam tulen. Secara keseluruhannya buku ini dapat menggambarkan peribadi dan kekuatan Maududi sebagai seorang ulama, pemimpin jamaah Islam dan tokoh reformis terulung di abad 20. Namun demikian tulisan ini tidak mendetail dalam menggambarkan idea-idea dan pemikiran Maududi. Ini mungkin kerana bentuk tulisan ini sebagai buku bibliografi.

---

<sup>2</sup> Maryam Jameelah, **Who Is Maudoodi?**, Muhammad Yusof Khan, Lahore, 1972.

Seyyed Vali Reza Nasr pula menulis di bawah tajuk **Maududi dan Jama'at-i Islami; Asal-Usul, Teori dan Praktik Kebangkitan Islam.**<sup>3</sup> Tulisan ini banyak mengetengahkan kegiatan-kegiatan Maududi bersama Jama'at-i Islami terutama dalam proses politik di Pakistan. Seyyed Vali memaparkan sebuah penulisan yang kritis terhadap Maududi dan Jama'at khususnya tentang kegagalan Jama'at mendapat tempat dalam beberapa siri pilihanraya yang disertainya. Tulisan ini juga memaparkan beberapa peranan penting Maududi di dalam proses politik di Pakistan seperti perjuangan tuntutan Perlembagaan Islam, isu Qadiani, jihad di Kashmir serta cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Jama'at dalam berhadapan dengan rejim tentera Ayub Khan dan pemimpin-pemimpin selepasnya. Dalam pada itu Seyyed Vali turut mengakui tentang peranan Maududi mengetengahkan ideologi Islam yang menyeluruh dan memberikan model gerakan Islam yang tersendiri berbeza dengan model yang dijalankan di Mesir dan Iran. Kebangkitan Islam yang diterajui oleh Jama'at ini menjadi contoh ikutan gerakan Islam yang menggunakan wadah politik di beberapa negara seperti di Algeria, Tunisia dan Malaysia.

Khurshid Ahmad adalah antara mereka yang berautoriti menulis tentang Maududi. Selain daripada mempunyai hubungan yang rapat dengan Maududi beliau adalah antara pemimpin utama Jama'at-i Islami. Di dalam penulisannya bersama Zafar Ishaq Ansari yang bertajuk **Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi: An Introduction to**

---

<sup>3</sup> Seyyed Vali Reza Nasr, "Maududi dan Jama'at-i Islami; Asal-Usul, Teori dan Praktik Kebangkitan Islam" di dalam Ali Rahnema (ed), **Para Perintis Zaman Baru Islam**, (Terjemahan Ilyas Hasan). Penerbit Mizan, Bandung, 1998.

**His Vision of Islam and Islamic Revival,**<sup>4</sup> Khurshid Ahmad bermula dengan latar belakang dan kehidupan Maududi serta pengalaman-pengalaman Maududi sebelum menubuhkan Jama'at. Tulisan ini turut mencoretkan pandangan Maududi tentang visi agama Islam, peranan Muslim, keimanan kepada Allah, pertentangan di antara iman dan jahiliyyah dan juga kerasulan nabi Muhammad saw. Di bahagian yang lain dari tulisan ini diterangkan tentang tujuan kebangkitan Islam dari segi sejarah, objektif dan strateginya. Secara keseluruhannya artikel ini dapat memaparkan dengan baik aspek-aspek utama pemikiran Maududi. Penglibatan bersama Jama'at memungkinkan Khurshid dan Zafar Ishaq menjawai perjuangan Maududi yang kemudiannya dihidangkan dalam bentuk penulisan untuk tatapan dan renungan para pembaca.

Di kalangan penulis tempatan, Mustafa Hj. Daud meninjau pemikiran Maududi di dalam bukunya **Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi.**<sup>5</sup> Beliau memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama pemikiran Maududi seperti prinsip-prinsip Islam yang meliputi beberapa perkara seperti erti Islam, Iman dan Taat, Rasul, Ibadat dan prinsip-prinsip Syari'at Islam. Penulis juga mengemukakan konsep-konsep Islam antaranya konsep hidup, akhlak, kerohanian, politik, sosial dan ekonomi. Di dalam bahagian awal buku ini, Mustafa Hj. Daud turut menulis tentang latarbelakang Maududi seperti pendidikan, pekerjaanya, hasil karya dan kegiatan serta sumbangan Maududi dalam pelbagai bidang sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir

---

<sup>4</sup> Khurshid Ahmad dan Zafar Ishaq Ansari, "Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi: An Introduction to His Vision of Islam and Islamic Revival" di dalam **Islamic Perspectives: Studies In Honor Of Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi**, The Islamic Foundation, London, 1980.

pada tahun 1979. Seperti yang dinyatakan di bahagian prakata buku ini ia adalah sebuah penulisan yang berbentuk umum dan asas, dikemukakan kepada mereka yang baru sedar, insaf dan ingin kembali menghayati Islam. Walaupun demikian, dengan bahasa yang mudah dan tersusun tulisan ini dapat menjelaskan dengan baik beberapa aspek pemikiran Maududi. Tulisan ini juga menyelitkan beberapa pandangan ulama dan penulis lain mengenai konsep dan prinsip Islam yang dikemukakan oleh Maududi.

Di dalam buku **Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran**,<sup>6</sup> Abd. Rahman Hj. Abdullah mengkategorikan Maududi sebagai reformis atau golongan ulama kebangkitan Islam yang berbeza dengan golongan ulama tradisional dan juga golongan modenis. Menurut beliau, Maududi mengambil jalan tengah antara golongan tradisional dan modenis dalam mengemukakan idea kebangkitan Islam. Abd. Rahman dapat menganalisa dengan baik corak pemikiran dan juga pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh Maududi bersama Jama'at untuk menarik umat Islam kembali menghayati roh dan jiwa agama. Beliau turut membandingkan gerakan Islam yang diterajui oleh Maududi dengan gerakan Islam di negara-negara lain seperti di Mesir, Indonesia, Malaysia dan Turki. Aspek pemikiran yang diberi perhatian di dalam buku ini adalah pemahaman tentang tajdid dan tajaddud menurut pandangan Maududi.

---

<sup>6</sup> Mustafa Hj.Daud, "Beberapa Aspek Pemikiran Maududi", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988

"Abdul Rahman Haji Abdullah, "Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.

Mohd. Mokhtar Shafie pula meninjau pemikiran Maududi khusus dari sudut pemikiran dakwah.<sup>7</sup> Antara perkara utama yang dibincangkan dalam penulisan tersebut adalah mengenai skop dakwah Maududi, ciri-ciri penting dakwah, kaedah-kaedah harakah, program-program dakwah Maududi, uslub dakwah serta kelebihan-kelebihan pendekatan dakwah yang dibawa oleh Maududi. Penulis memaparkan sebuah penulisan yang bertenaga dengan memberikan ulasan-ulasan berbentuk pujian dan kekaguman terhadap pemikiran Maududi. Beliau menjelaskan bahawa pemikiran dakwah Maududi adalah bersumberkan contoh tauladan dari Rasulullah dan petunjuk Illahi yang penuh dengan hikmah dan tunjuk ajar yang baik. Beliau turut membuat penilaian positif terhadap Maududi walaupun Jama'at gagal dalam beberapa usahanya terutama di dalam kancah politik Pakistan dengan mengatakan bahawa usaha dakwah itu sendiri adalah satu kejayaan. Kejayaan menyampaikan risalah Allah. Sama ada diterima atau tidak adalah perkara kedua.

Walaupun karya-karya serta kajian mengenai Maududi seperti yang dibincangkan di atas menyentuh mengenai pemikiran tokoh ini, namun masih terdapat kekosongan yang boleh diisi sebagaimana yang cuba dilakukan oleh penulis dalam kajian ini.

### **Penyusunan Bab**

Dalam bab pertama akan membincangkan tentang beberapa bentuk aliran pemikiran Islam kontemporari yang mendasari latarbelakang sejarah kebangkitan Islam di benua kecil India. Ia di mulakan sejak Syah Waliullah sehingga pada awal abad

<sup>7</sup> Mohd. Mokhtar Shafie, "Maududi dan Pemikirannya Dalam Dakwah Islam", di dalam *Islamika*, Jilid II, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1982.

ke 20. Idea, pendekatan dan perjuangan tokoh-tokoh reformis Islam di benua kecil India akan dikemukakan di dalam bab ini. Sejarah kemasukan Islam di benua kecil India dan juga zaman kemunduran empayar Islam turut dimuatkan di dalam bab ini. Bahagian ini penting sebagai asas pemahaman mengenai aliran dan bentuk kebangkitan Islam di India sebelum perjuangan Maududi.

Bab kedua pula akan membincangkan tentang latarbelakang Maududi yang meliputi kelahiran, pendidikan, penglibatan sebagai wartawan dan penulis, penglibatan dalam pelbagai persatuan dan gerakan politik serta kelebihan dan sifat peribadi beliau.

Di dalam bab ketiga, perbincangan adalah berkisar kepada pemikiran Maududi mengenai pembentukan peradaban Islam. Dalam bab ini akan diterangkan mengenai definisi peradaban menurut pandangan Barat, sarjana Islam dan menurut pandangan Maududi. Kritikan-kritikan Maududi terhadap fahaman yang mendasari tamadun Barat seperti sekularisme, nasionalisme dan demokrasi turut dimuatkan di dalam bab ini. Di dalam bab ini juga akan membincangkan tentang proses revolusi Islam, langkah-langkah terencana bagi sebuah peradaban Islam dan juga hakikat kemusnahan sesebuah peradaban.

Sementara itu di dalam bab keempat perbincangan tertumpu kepada aktiviti dan kegiatan-kegiatan Maududi bersama Jama'at-i Islami bagi merealisasikan idea-idea peradaban Islam. Ia akan menyentuh kegiatan Maududi dan Jama'at dalam pelbagai

bidang sama ada politik, dakwah, aktiviti kemasyarakatan dan juga hubungan antarabangsa dengan dunia Islam yang lain

Bahagian akhir bab ini akan mengemukakan ulasan-ulasan mengenai pemikiran dan pendekatan-pendekatan Maududi mengenai pembentukan peradaban Islam

Kehadiran Maududi di dalam kancab masyarakat adalah dalam usaha untuk mengaktifkan kembali jiwa, perasaan dan kesedaran umat Islam terhadap tanggungjawab setiap Muslim kepada penciptaNya. Beliau menyeru umat Islam agar kembali kepada Al-Quran dan Al-Sunnah dengan menggunakan segala kudrat dan kelebihan yang dimilikinya. Dalam usaha mengetengahkan idea-idea peradaban Islam, beliau berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran khususnya dari mereka yang berpegang kepada idealisme Barat pihak yang mempunyai kesahaman berbeza mengenai tujuan kehidupan dan pembinaan peradaban. Namun beliau begitu tabah dan komited dalam menghadapi pelbagai bentuk dugaan dan ancaman. Hatta hukuman ke tali gantung sedikit pun tidak melemahkan cita-cita beliau untuk mendirikan daulah Islamiah sebagai salah satu kewajipan umat Islam

## Bab 1: Latar Belakang :Kebangkitan Islam Di Benua Kecil India

### Pendahuluan

Sejarah kebangkitan dan pembentukan peradaban Islam di India pada abad ke 19 dan 20 amat menarik untuk diteliti. Ia bukan sahaja sebagai satu tindak balas terhadap cabaran-cabaran semasa, baik dari dalam maupun dari luar bahkan sebagai satu risalah dakwah menegakkan yang hak dan melenyapkan yang batil. Umat Islam ketika itu berada dalam keadaan yang mundur dari pelbagai segi sama ada pemikiran dan kerohanian maupun harta benda.<sup>8</sup> Masalah ini berlaku di hampir seluruh pelusuk dunia. Di Asia Tengah muncul tokoh-tokoh pemikir dan reformis Islam seperti Sayyid Jamal al-Din Afghani<sup>9</sup>, Shaikh Muhammad Abduh<sup>10</sup> dan Sayyid

<sup>8</sup> Masalah kemunduran umat Islam ini mendapat perhatian beberapa orang tokoh ulama Islam pada waktu tersebut. Abul Hassan Ali An-Nadwi menulis buku " Maza Khasira al-alamu bi inhitathi al-Muslimin" yang diterjemahkan sebagai "**Apa Derita Dunia Apabila Umat Islam Mundur**". Buku ini antaranya menerangkan tentang beberapa bentuk kemunduran yang di alami oleh umat Islam seperti penjajahan negara-negara Islam oleh kuasa Barat (hilangnya kuasa politik), kemunduran pemikiran dan sains, akhlak, ilmu dan teknologi. Buku ini juga menerangkan tentang sebab-sebab yang membawa kemunduran akhlak, ilmu dan teknologi. Lihat juga buku Syakib Arsalan, **Mengapa Umat Islam Mundur**, dan Yusuf Qardhawi, **Di Manakah Kepincangan Umat Kini?**, (Terjemahan Mohd Fakhruddin Abdul Mukhti). Penerbitan Hizbi, Kuala Lumpur, 1990.

<sup>9</sup> Jamaluddin al-Afghani lahir di Asadabad, Iran pada 1838M/1254H. Idea utama beliau adalah mengenai Pan-Islamisme iaitu penyatuan negara-negara umat Islam. Selain itu beliau menekankan tentang bahaya penjajahan Barat ke atas umat Islam dan perlunya orang-orang Islam melengkapkan diri dengan ilmu sains dan teknologi. Melalui pengembalaan di banyak negara-negara Islam beliau merumuskan bahawa kemunduran umat Islam adalah disebabkan faktor-faktor terpesong dari ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah dan menambah tambah dalam pemahaman mereka dengan unsur-unsur yang tiada kaitan dengan ajaran Islam. Beliau menyalurkan ideanya melalui majalah **al-Urwat al-Wuthqa** dan antara hasil penulisannya yang terkenal adalah **al-Radd 'ala al-Dahriyyin** (Sanggahan Terhadap Golongan Atheis). Beliau meninggal dunia pada tahun 1897. Lihat tulisan Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Sayid Jamaluddin al-Afghani: Orang Perjuangan" dan Ahmad Zaki Ibrahim, "Pemikiran dan Kehidupan Sayid Syeikh Jamaluddin al-Afghani" di dalam **Al Manar**, Akademi Islam, Universiti Malaya, Jun 1997.

<sup>10</sup> Muhammad Abduh, lahir pada tahun 1849 di Buhairah. Beliau adalah salah seorang murid al-Afghani. Beliau cuba mengembangkan gagasan yang dikemukakan oleh gurunya tentang kedinamikan Islam dan keperluan umat Islam kepada penyatuan. Kesatuan umat Islam penting untuk mengembalikan kegemilangan peradaban mereka. Beliau lebih menekankan aspek pendidikan dalam usaha mengembalikan kegemilangan Islam. Usaha reformasinya ditumpukan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan akhlak, pentafsiran Al-Quran, mempertahankan kesucian Islam, permurniaan tasawuf, serta pemupukan akhlak. Lihat Abdul Wahab Latif, "Muhammad Abduh's reformasi dalam politik dan pendidikan di Al-Azhar. Lihat Abdul Wahab Latif," Muhammad Abduh's Conception of Reformation". **Hamadard Islamicus**, Vol.xx, No. 4, Oct-Dis 1997, hlm. 69.

Rashid Ridha.<sup>11</sup> Masing-masing berperanan menyedarkan masyarakat tentang perlunya kembali kepada landasan Islam. Di benua kecil India, Syah Waliullah melaksanakan usaha tajdid<sup>12</sup> dan usaha memahamkan kembali masyarakat tentang hakikat Islam yang sebenar sebagai *nizamul-hayati* (cara hidup) dan menunjukkan masyarakat tentang kesempurnaan Islam pada abad ke 18 lagi.

Bab ini akan menerangkan mengenai beberapa bentuk aliran-aliran pemikiran Islam dalam Zaman Moden (abad ke-19 dan 20) yang terdiri daripada aliran tradisionalisme, modenisme dan juga reformisme. Bab ini penting bagi memahami pelbagai bentuk aliran pemikiran yang wujud khasnya di dalam perjuangan kebangkitan Islam di benua kecil India. Selain itu ia boleh juga dijadikan neraca bagi menilai sejahteran pemikiran dan pendekatan yang digunakan oleh Maududi

---

<sup>11</sup> Rashid Ridha adalah salah seorang pengikut Muhammad Abdurrahman. Dilahirkan di Torabulus, Syria pada tahun 1865. Merupakan seorang yang kuat mempertahankan sistem pemerintahan Khalifah di Turki dan mengecam hebat Kamal Ataturk dan Majlis Kebangsaan Agung Turki yang bertanggungjawab menghapuskan Khilafah Islamiyah pada tahun 1924. Beliau meneruskan cita-cita Afghani dan Abdurrahman memperjuangkan Pan-Islamisme. Menerbitkan majalah bersiri *Al-Manar* sebagai wadah penyebaran gagasan-gagasan dalam menyeru umat Islam ke jalan yang betul serta mengingatkan bahaya penjajahan Barat. *Al-Manar* memainkan peranan yang amat penting dimana ia diasaskan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat serta memberi semangat baru kepada umat Islam dan mengembalikan kesatuan ummah dan menghidupkan satu cara hidup bernegara.

<sup>12</sup> Istilah tajdid membawa pengertian satu pembaharuan di dalam membangkitkan komitmen umat Islam terhadap Islam dalam bentuknya yang suci dan bersih. Ia adalah satu proses pembentukan ataupun satu proses perubahan yang bertujuan untuk membawa manusia kepada satu keadaan Islam yang sempurna. Proses ini bertitik tolak daripada aqidah. Ini kerana aqidah merupakan teras kepada keseluruhan kegiatan dan tingkah laku manusia. Dalam pengertian ini, Al-Quran menggunakan istilah *islah* (An Nisa: 145-146) dan *taghyir* (Ar-Ra'd: 11). Oleh itu penggunaan istilah tajdid terhadap usaha-usaha pemodenan dan pembaratan yang mengetengahkan fahaman Barat segolongan pihak adalah jauh daripada pengertian sebenar tajdid. Ketiga-tiga pengertian tajdid, *islah* dan *taghyir* mestilah berteraskan kepada iman kerana iman sahaja yang mendorong seseorang individu atau sesuatu kaum untuk merubah keadaan mereka sendiri. Menurut Mohammad Kamil Abdul Majid, tajdid dalam perspektif masa kini adalah kebangkitan yang merangkumi kesedaran politik, pendidikan, intelektualisme, ekonomi, media, jihad dan ijtihad baru yang bersepadan dalam menghadapi cabaran baru. Lihat Mohammad Kamil Abd. Majid, "Gerakan Tajdid: Sejarah dan Perspektif Masa Kini" di dalam **Jurnal Usuluddin**, Universiti Malaya, Bil. 4, Zulhijjah 1416/May 1996 hlm. 96

terkesan malupun berbeza dengan tokoh-tokoh terdahulu dalam mengembalikan kegemilangan tamadun Islam

### **Aliran-Aliran Pemikiran Islam**

Sejarah permikiran umat Islam sejak awal pertumbuhannya adalah sejarah aliran dan mazhab. Oleh itu pelbagai bentuk ilmu seperti ilmu kalam, fiqh dan tasawuf menjurus kepada persoalan aliran atau mazhab. Semenjak berlakunya penjajahan terhadap umat Islam menjadi lebih rumit dengan masuknya idea-idea Barat yang sekular seperti nasionalisme, liberalisme dan juga materialisme. Dalam konteks ini Yusof Qardhawi menyatakan bahawa terdapat pelbagai gerakan pemikiran di kalangan umat Islam yang bercampur-aduk dan dipengaruhi oleh fahaman Barat seperti sekularisme dan juga komunisme. Selain itu terdapat juga aliran pemikiran Islam yang telah diselewengkan oleh para pelopornya seperti aliran Bahai dan Ahmadiyah (Qadiani).<sup>13</sup>

Dalam melihat aliran pemikiran Islam kontemporari, secara umumnya terdapat tiga aliran utama iaitu tradisionalisme, modenisme dan juga reformisme.

### **Tradisionalisme**

Istilah tradisionalisme digunakan dalam pengertian konservatif atau mempertahankan yang lama. Seperti kata Mannheim:

---

<sup>13</sup> Yusof Qardhawi, **Kritik dan Saran untuk Para Da'i**, Media Dakwah, Jakarta, 1983, hlm. 217. Lihat juga buku Abul Hasan Ali Nadwi, **Qadianism, A Critical Study**, Academy of Islamic Research and Publications, Lucknow, 1974.

"a tendency to cling to vegetative patterns, to old ways of life. It is reaction against deliberate reforming tendencies and characterized by almost fear of innovation."<sup>14</sup>

Sesuai dengan pengertian tersebut, golongan tradisionalis melihat sejarah sebagai sumber inspirasi atau sesuatu yang harus dipertahankan. Oleh itu para pendekongnya dikatakan bersikap negatif terhadap pembaharuan dan perubahan. Menurut Garaudy, golongan tradisionalis menganggap kemunduran umat Islam adalah disebabkan mereka menjauhkan diri dari ajaran generasi yang lalu, memutuskan ikatan tradisi mereka dan mengikuti godaan syaitan dari Barat. Mereka mempertahankan seluruh tradisi Islam dengan menolak apa jua bentuk pengaruh dan hikmah dari luar.<sup>15</sup>

Dari satu sudut sememangnya golongan ini cuba mempertahankan tradisi asli. Namun keaslian dalam konteks ini lebih merujuk kepada ajaran-ajaran para ulama mazhabiyah atau sikap taqlid kepada empat mazhab. Jika ditelusuri ke belakang ternyata taqlid bermula pada abad ke 4 H, ketika Bani Abbasiyah didominasi bangsa-bangsa asing dan diperburukkan lagi dengan kejatuhanya di tangan Mongol pada 1258 M.<sup>16</sup>

Dalam konteks kebangkitan Islam di benua kecil India, terdapat beberapa kumpulan ulama tradisionalis, antaranya Farangi Mahall yang berpusat di Lucknow (ditubuhkan sejak abad ke-17 lagi pada zaman Aurangzeb). Darul Ulum, Deoband

<sup>14</sup> Karl Mannheim, *Conservative Thought*, di dalam K. Mannheim , *Essays on Sociology and Social Psychology*, Routledge & Kegan Paul, London, hlm. 95-96. Lihat juga karyanya, *Conservatism a Contribution to the Sociology of Knowledge*, Routledge, London, 1986.

<sup>15</sup> Roger Graudy, *Janji-Janji Islam*, (Terjemahan), Bulan Bintang, Jakarta, 1982, hlm. 220.

<sup>16</sup> Abdul Wahab Khalaf, *Ringkasan Sejarah Perundungan Islam*, terj., Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971, hlm 149-156

(1866), Anjuman-I-Himayat-I-Islam, Lahore (1885) dan Nahdatul Ulama, Lucknow (1894).<sup>17</sup>

### Modenisme

Menurut Roger Graudy, modenisme adalah aliran yang berasaskan kebudayaan dan pemikiran Barat moden yang timbul daripada pengalaman sejarah mereka selama empat abad terakhir. Di antara elemen-elemen modenisme ialah nasionalisme dan kapitalisme.<sup>18</sup> Maryam Jameelah turut mengatakan bahawa modenisme harus dirujuk pada pengalaman sejarah Barat yang bermula sejak zaman Renaissans pada abad ke-15 hingga kini. Beberapa fahaman lain yang muncul selepas zaman ini adalah seperti humanisme, liberalisme, sekularisme, evolusionisme, naturalisme dan Marxisme.<sup>19</sup>

Di antara aliran modenisme tersebut yang dianggap cukup penting ialah sekularisme atau penolakan terhadap peranan agama.<sup>20</sup> Menurut Mohammad Al-Bahi, sekularisme itu ada yang sederhana (moderate) dan ada yang radikal. Sekularisme moderate melihat agama sebagai urusan peribadi yang berkaitan dengan masalah-masalah kerohanian dan tidak boleh mencampuri urusan keduniaan atau politik. Manakala sekularisme radikal sangat memusuhi peranan agama. Bagaimanapun kedua-duanya menolak peranan agama dalam kehidupan.<sup>21</sup> Sarjana Indonesia, Dr.

<sup>17</sup> Lini S. May, *The Evolution of India-Muslim Thought After 1857*, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore, 1970, hlm 121.

<sup>18</sup> Roger Graudy, *Janji-Janji Islam*, (Terjemahan H.M. Rasjidi), Bulan Bintang, Jakarta, 1982, hlm. 223-224

<sup>19</sup> Maryam Jameelah, *Islam and Modernism*, Muhammad Yusof Khan, Lahore, 1975, hlm.34.

<sup>20</sup> Abd. Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Gema Insani Press, Jakarta, 1997 hlm. 18.

<sup>21</sup> Muhammad Al-Bahi, *Penentangan Islam Terhadap Aliran Pemikiran Perosak*, Penerbit Hizbi, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 52.

Amien Rais mengatakan bahawa sekularisme radikal mahupun moderate tiada tempat di dalam Islam.<sup>22</sup>

Dalam konteks Dunia Ketiga modenisasi bersifat *exogenous* iaitu perubahan yang terjadi akibat pengaruh luaran, terutama dari penjajahan Barat. Seperti yang dinyatakan oleh Graham Wilson:

"Modernism in Islam is a tendency and a movement to bring the thought and life of Moslem peoples into harmony with the present age. The movement affects not only the religion but the life and customs as well. Though some new influences have undoubtedly originated in Islam it self or been resuscitated from the past, yet the chief cause is the impact of West on the East. It is the effect of Western civilization and Christian thought and life... Now thought is being liberalized, moral conception are being modified and this is coming to pass though the infiltration, penetration, the direct impact and impress of Western or Christian civilization. This trend is toward Christian ideals and away from traditional Moslem conceptions."<sup>23</sup>

Hakikat modenisasi yang bersifat exogenous di Dunia Islam turut diakui oleh sarjana Islam seperti Aziz Ahmad dan Hisham Sharabi yang menegaskan bahawa aliran modenisme sememangnya dipengaruhi oleh Barat.<sup>24</sup> Fazlur Rahman pula mengakui bahawa kaum modenis mengambil alih warisan wajibnya ijihad dan mengisinya dengan kandungan baru yang diambil dari dunia Barat moden seperti peranan akal dalam agama, demokrasi dan hak-hak wanita.<sup>25</sup> Seiring dengan semangat sekularisme yang mendasari pengertian modenisme, dalam usaha memodenkan umat

<sup>22</sup> M. Amien Rais, **Cakrawala Islam antara Cita dan Fakta**, Penerbit Mizan, Bandung, 1987, hlm. 126.

<sup>23</sup> Samuel Graham Wilson, **Modern Movement Among Moslems**, Fleming H. Revell Co., London, 1976, hlm. 149-151.

<sup>24</sup> Aziz Ahmad, **An Intellectual History of Islam in India**, Edinburgh University Press, Edinburgh, 1969, hlm. 13.

<sup>25</sup> Fazlur Rahman, "Islam: Legacy and Contemporary Challenge" di dalam Cyriac K. Pullapilly (ed.), **Islam In Contemporary world**, Crossroads Books, Notre Dame, 1980, hlm. 402-415.

Islam, pihak penjajah cuba memisahkan mereka dari agama atau warisan tradisi kalaupun tidak ditolak secara total.

### **Reformisme**

Ciri utama yang terdapat di dalam aliran reformisme adalah penekanan kepada permurniaan kembali kepada ajaran Islam. Ia seperti mempunyai persamaan dengan golongan tradisionalisme yang menekankan keaslian ajaran Islam. Golongan reformis menekankan islah dan tajdid. Islah bermaksud usaha memperbaiki atau membersihkan Islam dari pemalsuan dan penyelewengan. Manakala tajdid adalah memperbaharui atau menyegarkan kembali faham dan komitmen terhadap ajaran-ajaran agama yang sesuai dengan tuntutan zaman.<sup>26</sup>

Tajdid juga mempunyai kaitan yang erat dengan ijтиhad, bahkan tidak dapat dipisahkan sehingga saling lengkap-melengkapi. Secara terminologi ijтиhad bermaksud usaha serius untuk menyimpulkan hukum-hukum syara' berlandaskan kaedah-kaedah tertentu dalam menghadapi persoalan-persoalan baru yang tidak jelas hukumnya dalam dalil-dalil Al-Quran dan Al-Sunnah atau ijma' ulama.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Abdul Ghani Shamsuddin, **Tajdid Dalam Pendidikan dan Masyarakat**, Persatuan Ulama Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 11.

<sup>27</sup> Kassim Mat Salleh, **Ijtihad Sejarah dan Perkembangannya**, Ar-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 147-153. Lihat juga Abu Urwah, **Risalah Usrah Jilid 3, Bah 1: Persediaan Asasi di Dalam Harakah Islamiah**, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 53-64.

Dalam konteks inilah pihak tradisionalis berbeza dengan reformis. Aliran reformisme menentang taqlid dan menggalakkan ijihad dalam menghadapi persoalan-persoalan semasa. Walaupun mempunyai persamaan dengan golongan modenisme yang mendokong konsep rasionalisme dan pembaharuan. Namun reformisme hanya berijihad dalam bidang-bidang yang kurang jelas kedudukan hukumnya. Berbanding dengan golongan modenisme yang melakukan perubahan dan pembaharuan walaupun dalam hal-hal yang sudah jelas hukumnya.

Dapat dilihat di sini bahawa golongan reformisme adalah aliran pertengahan antara tradisionalisme dan juga modenisme. Ini dinyatakan oleh Hisham Sharabi:

'Between conservative traditionalism and progressive modernism there were a middle ground occupied by what may be termed as reformist position. Reformism has often referred to as Islamic modernism, but reformism was modernizing only in special sense and a limited degree. At heart, reformism was traditional bound: its primary goal was safeguard Islam and the institutional structures upholding it. As a revivalist movement, reformism was in fact not much more than enlightened conservative, equipped with a more rational awareness of its situation and needs. The reformist position, in its fundamental premises and ultimate conclusion, opposed the secularisation and 'westernization' elements of social modernisation more effectively than conservative traditionalism ever did precisely because it was more rational. But at same time it opened the door for change within prescribed limits.'<sup>28</sup>

Namun begitu terdapat juga sarjana Islam yang tidak menggunakan istilah reformisme dan lebih selesa menggunakan perkataan fundamentalisme. Antaranya adalah seperti Mohammad Abu Bakar, Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Kamal Hassan dan Majid Fakhry.<sup>29</sup> Mohammad Abu Bakar mengatakan bahawa

<sup>28</sup> Hisham Sharabi, **Arab Intellectual and the West: The Formative Years 1857-1914**, John Hopkins University Press, London, 1970, hlm. 6.

<sup>29</sup> Sila lihat Seyyed Hossein Nasr, **Traditional Islam in the Modern World**, Foundation for Traditional Studies, Kuala Lumpur, 1988, Muhammad Kamal Hassan, **Resurgence of Islamic Fundamentalism: Its impact and Influence of National Basis**, Makalah Ceramah di Bengkel Kerja Dalam Perkhidmatan Polis Di Raja Malaysia, 15 Okt 1980.

fundamentalis dalam konteks perkembangan Islam adalah kumpulan yang berpegang kepada kepercayaan bahawa Islam adalah suatu agama yang lengkap dan sempurna dan ia tidak patut diubahsuai mengikut kehendak atau tuntutan zaman. Ciri-ciri utama gerakan fundamentalis ialah kedaulatan kuasa Allah dan penempatannya di tempat yang sewajarnya dalam masyarakat. Penekanan diberikan kepada "Transcendance of God".<sup>30</sup> Istilah fundamentalis tidak digunakan dalam penulisan ini memandangkan ia sering dikaitkan dengan *extremist*, *fanatik*, *narrow minded*, tidak memahami teknokrasi dan tidak profesionalisme.<sup>31</sup>

Kesedaran tentang wujudnya tentang pelbagai bentuk aliran pemikiran Islam kontemporari<sup>32</sup> ini membolehkan kita memahami aliran pemikiran Maududi dan juga asas yang melatari pemikirannya.

### **Kemasukan Islam ke Benua Kecil India**

Orang Muslim telah datang ke India sewaktu zaman Nabi Muhammad lagi. Saudagar-saudagar dan pelajar-pelajar dari Tanah Arab misalnya telah berabad-abad menjalinkan hubungan dengan benua India melalui pelabuhan-pelabuhan di pantai Barat India seperti Gujerat, Kerala, Malabar dan Bombay. Sebahagian daripada mereka terus menetap di kawasan ini. Ia turut di sokong oleh kebanyakan pemerintah tempatan. Raja Madras misalnya menganjurkan rakyatnya menganut agama Islam

<sup>30</sup> Mohammad Abu Bakar, "Idea Kemajuan Dalam Pemikiran dan Perjuangan Golongan Fundamentalis Islam" di dalam **Islamika** Jilid II, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 13.

<sup>31</sup> Amien Rais, "Prospek Proses Kebangunan Islam" di dalam **Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia**, Penerbit Mizan, Bandung 1990, hlm. 117-118.

<sup>32</sup> Beberapa bentuk aliran pemikiran politik dan akidah Islam sejak zaman awal Islam seperti Syiah, Khawarij, Muktazilah, Maturudiah, Asyariah dan seumpamanya tidak disentuh dalam perbincangan ini.

dan mempergiatkan diri dalam bidang pelajaran dan pendidikan. Keturunan orang Arab dan golongan awal yang memeluk Islam masih terdapat di pesisir Malabar.<sup>33</sup>

Selepas kewafatan Rasulullah pada tahun 632 M, Khalifah Ar-Rasyhidin terus mengutus perutusan angkatan tentera Islam untuk menyebarkan dakwah Islam di sana. Pada tahun 706M, Khalifah al-Walid mengirim pasukan seramai 6000 orang tentera ke wilayah Sind di bawah pimpinan Muhammad Bin Qasim. Beliau dapat menawan sebahagian besar kota-kota di Sind bermula dengan kota Makran, Qanzbur, Armail dan kota Dibul.<sup>34</sup> Dalam tahun 712 M, Muhammad Bin Qasim telah berjaya menakluk sebahagian besar Sind dan mengislamkan majoriti rakyatnya. Beliau kemudiannya dilantik sebagai gabenor di wilayah tersebut. Kerajaan khalifah Islam di Sind berakhir pada abad ke-9 namun rakyatnya masih tetap beragama Islam.<sup>35</sup>

Penyebaran Islam seterusnya ke India datang dari sebelah utara. Antara tahun 999 dan 1025 M, Sultan Mahmud Ghazni dari Afghanistan telah melakukan 17 kali serangan ke benua India dan beliau berjaya menakluki Punjab. Tetapi pengganti-penggantinya menyerahkan kedua-dua jajahannya di Ghazni dan India kepada Dinasti Turk dari Ghur yang kemudiannya mendirikan kerajaan Islam di Delhi dalam tahun 1192. Lima Dinasti Turk atau Afghan yang dikenali sebagai Raja-Raja Pathan

<sup>33</sup> Ahmad Fahmi Zamzam, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, Khazanah Banjariah, Pokok Sena, 1992, hlm 26.

<sup>34</sup> S.M. Ikram, **Muslim Civilization In India**, Columbia University Press, New York, 1964, hlm.7.

<sup>35</sup> Richards Symonds, **The Making of Pakistan**, Faber & Faber, London 1950, hlm. 29.

yang memerintah di Delhi tahun 1192 sehingga 1526. Wilayah kekuasaan mereka meliputi seluruh India Utara.<sup>36</sup>

Orang-orang Mughal telah menggantikan Raja-Raja Islam Turk-Afghanistan dari tahun 1526-1707. Penakluk pertama, Barbar memerintah sebuah kerajaan kecil di Turkestan. Kaum Mughal ini meletakkan dasar-dasar bagi sebuah pemerintahan moden di India. Sehingga hari ini kita dapat melihat hasil-hasil keindahan kerjatangan mereka. Dua orang raja dari Dinasti Mughal yang masyhur adalah Akbar dan Aurangzeb.<sup>37</sup>

Akbar (1556-1605) telah menakluk sebahagian besar wilayah India kecuali bahagian Selatan. Sejak mulai memerintah beliau telah menetapkan bahawa kekuasaan bukan sahaja terletak di tangan orang Mughal, Turki dan Afghanistan tetapi atas rasa kesetiaan dari seluruh rakyat yang melepassi sempadan agama dan bangsa. Beliau memperolehi sokongan dari ketua-ketua kaum Rajput yang ternama dengan cara ikatan perkahwinan dan membiarkan mereka terus menjadi tuan-tuan tanah. Beliau sendiri telah mengahwini puteri Rajput pada tahun 1562.<sup>38</sup> Beliau melarang pemungutan pajak kepada musafir-musafir keturunan Hindu dan juga *jizyah* (cukai) kepada kaum tersebut. Orang Islam juga dilarang untuk menyembelih lembu sebagai korban kerana dianggap menyentuh sentimen keagaman bagi orang-orang Hindu.

<sup>36</sup> Ibid., hlm. 30

<sup>37</sup> Ahmad Fahmi Zamzam, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 28.

<sup>38</sup> Zafar Imam, **Muslims In India**, Orient Longman, New Delhi, 1975, hlm. 10.

Selain itu, orang Hindu turut dilantik menjadi menteri-menteri dan jeneral-jeneral tentera.<sup>39</sup>

Di akhir waktu pemerintahannya beliau telah mewujudkan agama baru yang bercirikan multi agama iaitu gabungan antara agama Islam, Hindu dan Kristian dalam rangka beliau untuk menyatupadukan rakyatnya dalam satu agama.<sup>40</sup> Namun agama baru ini tidak mendapat sambutan daripada penganut agama yang asal. Ahli-ahli sejarah Hindu dan kebanyakannya ahli sejarah Barat menganggap Akbar sebagai raja Mughal yang paling berwibawa dan progresif. Namun ahli sejarah Muslim menganggap beliau adalah seorang yang murtad dengan sebab tindakan beliau mencampur-adukan pelbagai fahaman agama. Selain daripada itu juga tindakan beliau jelas menunjukkan penghinaan terhadapa agama Islam seperti menjadikan masjid-masjid sebagai gudang-gudang barang dan tempat-tempat permainan muzik.<sup>41</sup>

Aurangzeb (1658-1707) dikenali sebagai seorang yang rajin dan pandai mengendalikan diri sendiri selain diakui sebagai seorang raja yang soleh. Ini dapat dilihat dari tulisan Ikram S.M:

---

<sup>39</sup> S.M. Ikram, **Muslim Civilization In India**, Columbia University Press, New York, 1964, hlm. 48.

<sup>40</sup> Agama baru ini dinamakan *Din Illahi*. Dasar pokok ajaran ini adalah *Lailaha illah illah, Akbar khalifutullah* (Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, Akbar khalifah Allah). Mereka yang memeluk ajaran baru ini hendaklah secara terbuka meninggalkan agama Islam dengan sebulat hati memasuki agama *Din Illahi*. Pemeluk agama ini dinamakan sebagai *Chela*s. Antara ajaran yang terdapat di dalam *Din Illahi* adalah, pemujaan kepada raja yang dilakukan di awal pagi dengan sujud di hadapan raja, memberi salam dengan ucapan *Allahu Akbar* dan dijawab *Jalla Jalakhu*. Terdapat juga pemujaan api dan membunyikan loceng sewaktu penyembahan kepada raja. Selain itu ajaran ini banyak diadaptasi dari agama Hindu. Lihat Abu A'la Al Maududi, **A Short History of The Revivalist Movement In Islam**, Islamic Publications Limited, 5<sup>th</sup> ed., Lahore, 1981, hlm. 40.

<sup>41</sup> Richards Symonds, **The Making of Pakistan**, hlm. 35.

"Even as a young man, Aurangzeb was known for his devotion to the Muslim religion and observance of Islamic injunction and in some of his letters written during the struggle for the succession he claimed that he was acting "for the sake of the true faith and the peace of the realm."<sup>42</sup>

Antara sumbangan beliau yang utama adalah mengembangkan ajaran Islam. Sewaktu pemerintahannya kurikulum pendidikan Islam yang dikenali sebagai *Dars-i-Nizamya* telah diperkenalkan. Beliau sendiri mengeluarkan peruntukan untuk membina bangunan dan pusat pendidikan yang terkenal iaitu Farangi Mahall di Lucknow. Aurangzeb juga meminta dua orang tokoh ulama dan perundangan Islam (Mir Zahid, qadhi Qabul dan Muhibullah Bihari, qadhi Allahabad) menyusun buku perundangan yang dinamakan *I'atawa-i-Alamgiri*.<sup>43</sup>

Pada waktu pemerintahannya, *jizyah* (cukai) kepada orang-orang Hindu yang telah dikenakan kembali setelah dihapuskan sewaktu zaman Akbar. Jawatan-jawatan penting dalam kerajaan seperti jeneral-jeneral tentera diberikan kepada orang-orang Islam. Sewaktu zaman pemerintahannya juga banyak berlaku pemberontakan dari orang-orang Hindu terutama dari kaum Rajput dan Maratha.

### **Zaman Kemunduran Empayar Islam di India.**

Setelah kematian Aurangzeb pada tahun 1707, Kerajaan Mughal tidak mempunyai pengganti yang cukup kuat untuk memerintah seluruh kerajaan. Perang saudara untuk merebut kekuasaan sering terjadi. Putera Aurangzeb yang bernama Mu'azzama yang menggantikan bapanya menggunakan nama Bahadur Syah. Lima tahun

<sup>42</sup> Ibid., hlm. 189.

<sup>43</sup> Ibid., hlm. 205

kemudian berlaku pula perebutan kuasa antara putera-putera Bahadur Syah. Jahandar Syah kemudianya ditabalkan sebagai raja. Namun beliau mendapat tentangan dari anak saudaranya Muhammad Farrukhsiyar.<sup>44</sup> Dalam pertempuran yang berlaku pada tahun 1713, Farrukhsiyar memperoleh kemenangan dan dapat mempertahankan kedudukannya sehingga tahun 1719. Beliau mati dibunuh oleh Sayyid Hussain Ali dan Sayyid Hassan Ali, dua bersaudara yang hakikatnya memegang kekuasaan di Istana Delhi. Sebagai gantinya mereka mengangkat Muhammad Syah (1719-1748) sebagai raja.<sup>45</sup>

Suasana pertelingkahan dan perebutan kekuasaan ini diambil kesempatan oleh golongan Hindu yang ingin melepaskan diri daripada kekuasaan empayar Mughal. Bahadur Syah contohnya mendapat tentangan daripada golongan Sikh di bawah pimpinan Banda. Di sebelah Utara Delhi mereka dapat merampas kota Sadaura. Dalam serangan ke kota Sirhind mereka mengadakan rampasan dan pembunuhan terhadap penduduk yang beragama Islam. Golongan Maratha di bawah pimpinan Baji Rao pula dapat merampas sebahagian dari daerah Gujarat pada tahun 1732M. Pada tahun 1737M mereka dapat menyerang sampai ke perbatasan Ibu Kota tetapi setelah mengetahui bahawa tentera Mughal bergerak menuju Delhi, mereka mengundurkan diri. Pihak Inggeris pula telah mula mempergiatkan usaha untuk memperolehi daerah-daerah kekuasaan di India, terutama di Benggal. Dalam pertempuran-pertempuran seterusnya umpamanya di Plassey pada tahun 1757 M dan

---

<sup>44</sup> Harun Nasution. **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan**, Bulan Bintang, Jakarta, 1975, hlm. 17.

<sup>45</sup> Ibid, hlm. 17.

di Buxar tujuh tahun kemudian (1764), Inggeris memperolehi kemenangan.<sup>46</sup> Daerah kekuasaan Mughal semakin hari semakin kecil.

Serangan terhadap Delhi bukan sahaja datang dari dalam tetapi juga dari luar India. Di Persia, Nadhir Syah dapat merebut kekuasaan setelah menguasai Peshawar dan Lahore pada tahun 1739 M, tentera Nadhir Syah meneruskan serangan hingga ke ibu kota Di Delhi rakyat bangun menentang serangan tentera Nadhir Syah, namun beliau mengarahkan tenteranya membunuh secara besar-besaran dan merampas harta-harta mereka. Kerajaan Mughal kemudiannya diwajibkan membayar ufti kepada kerajaan Persia. Walaupun Mahmud Syah terus menjadi raja di Delhi namun reputasi empayar Mughal berada pada tahap yang begitu rendah.

Konflik yang berpanjangan mengakibatkan pengawasan terhadap daerah-daerah jajahan menjadi lemah. Bahkan satu persatu daerah mempunyai pemerintahan tersendiri. Contohnya Hyderabad dikuasai oleh Nizam Al-Mulk, Marathas dikuasai oleh Shivaji, Rajput mempunyai pemerintahan sendiri di bawah Jai Singh, Punjab dikuasai oleh kelompok Sikh, Oudh dikuasai oleh Sadat Khan dan Bengal di bawah kuasa Syuja' Al-Din. Manakala wilayah-wilayah di kawasan pantai banyak yang dikuasai oleh pedagang asing terutamanya oleh Syarikat Hindia Timur (EIC).<sup>47</sup>

## Kebangkitan Islam Di Benua Kecil India

<sup>46</sup> Aizan Ali, "Islamic Institution of Education in British India: A Study on Deoband Madrasah" di dalam *Jurnal Usuluddin*, Universiti Malaya, Bil 9, Rabiul Awal 1419/Julai 199, hlm. 113.

<sup>47</sup> K M . Panikar, *A Survey of Indian History*, Asia Publishing House, Bombay, 1957, hlm.187.

## **Perjuangan Syah Waliullah**

Suasana kejatuhan wilayah Islam satu persatu menyedarkan pemimpin Islam di India akan kelemahan umat Islam. Salah seorang dari ulama yang terkenal adalah Syah Waliullah Dahlawi (1703-1762 M). Beliau lahir di Delhi dan mendapat pendidikan dari orang tuanya Syah Abd. Rahim seorang sufi dan ulama yang memiliki madrasah sendiri. Syah Waliullah sempat belajar di Mekah dan Madinah selama setahun sebelum kembali ke Delhi pada tahun 1732. Menurut beliau, di antara sebab-sebab yang membawa kepada kelemahan umat Islam adalah perubahan sistem pemerintahan dalam Islam yang telah bertukar dari sistem pemerintahan kekhalifahan menjadi sistem kerajaan beraja.<sup>48</sup> Raja-raja Islam menurut beliau pula mengenakan cukai dan pajak yang tinggi kepada rakyat, ini adalah satu bentuk penindasan apatah lagi hasil cukai dan pajak tidak digunakan untuk kepentingan kebijakan rakyat tetapi untuk kemewahan pihak pemerintah. Pemungutan cukai dan perbelanjaan wang yang tidak adil ini menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan rakyat. Untuk mengatasi masalah tersebut Syah Waliullah berpendapat bahawa sistem pemerintah mutlak harus ditukarkan kepada sistem pemerintahan demokratik.<sup>49</sup>

Syah Waliullah juga berpendapat bahawa kelemahan umat Islam adalah disebabkan lenyapnya semangat ijihad dan dominasi berterusan daripada penyelesaian kaku ke atas pemikiran (taqlid).<sup>50</sup> Dalam kitab *Al-Musaffa* beliau menulis:

<sup>48</sup> Harun Nasution, **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan**, hlm. 19.

<sup>49</sup> Ibid., hlm. 19.

<sup>50</sup> Abu Al'a Al Maududi, **A Short History of The Revivalist Movement In Islam**, Islamic Publications Limited, 5th ed., Lahore, 1981, hlm. 88.

"The simpletons of our age have given up Ijtihad. Camel-like they have a string in their nose and they do not know where they have going. They have an altogether different engagement. Wretched as they are they do not have common sense to understand and appreciate the higher matters of life."<sup>51</sup>

Permasalahan taqlid ini beliau perjelaskan dengan panjang lebar di dalam kitab-kitab karangannya seperti, *Izzatul Khafa'*, *Hujjatullah Al-Balighah*, *Al-Budur Al-Bazia'ah*, *At-Tashimati Ilahiyah*, *Al-Mussawa* dan *Al-Musaffa*. Menurut Maududi, hampir kesemua karya-karya beliau melahirkan rasa sedih terhadap apa yang berlaku terhadap umat Islam.<sup>52</sup>

Menurut pandangannya, sifat taqlid dan menutup pintu ijtihad akan memundurkan umat Islam. Umat Islam sepatutnya bersifat dinamis. Penafsiran yang sesuai untuk sesuatu zaman tidak semestinya sesuai untuk suatu zaman sesudahnya. Oleh itu beliau menentang taqlid dan menganjurkan ijtihad sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Ibnu Taimiyyah.<sup>53</sup>

Perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam menurutnya juga disebabkan sikap taksub kepada mazhab-mazhab dan aliran-aliran pemikiran di dalam Islam seperti Sunni dan Syiah serta aliran pemikiran Mutazilah, Asyariah dan Maturudiah masing-

<sup>51</sup> Ibid, hlm. 88.

<sup>52</sup> Abu A'la Al Maududi, **Gerakan Tajdid Islam**, (Terjemahan Elias Ismail). Pustaka Ikhwan, Alor Star, 1987, hlm. 91

<sup>53</sup> Imam Ibnu Taimiyyah dilahirkan pada pertengahan kedua abad ke-7 Hijrah. Pada waktu tersebut bangsa Tartar sedang rancak memusnakan negara-negara Islam dari Sungai Indus sehingga Syria. Ketika itu umat Islam berada dalam keadaan lemah dan kerosakan sama ada dari segi pemikiran maupun akhlak. Taqlid merupakan suatu arahan yang biasa. Pintu ijtihad pula ditutup. Beliau melaksanakan usaha tajdid dengan mengemukakan hujah-hujah yang kuat dan menggunakan logik dalam mentafsirkan dan menerangkan rahsia-rahsia Al-Quran dan Al-Sunnah. Pendekatan beliau lebih jelas, berkesan dan lebih dekat dengan isi kandungan Al-Quran dan Al-Sunnah. Beliau mengkaji dan mengkritik falsafah dan pendekatan logik Yunani dengan mengatakan ia banyak mengecamukkan pemikiran umat Islam. Menurut Hafiz Zahbi seorang ulama Hadis "Ibnu Taimiyyah dianugerahkan kemuliaan dan kelebihan dalam menerangkan dan menafsirkan Al-Quran dengan betul". Beliau berusaha mengembalikan kesucian dan kemurnian Islam dari menafsirkan Al-Quran dengan betul".

masing di pihak yang berlainan. Begitu juga terdapatnya pelbagai kelompok sufi dan kaum syariah pengikut mazhab yang empat. Oleh itu beliau berusaha untuk mengadakan suasana damai antara pelbagai golongan tersebut.

Di zaman Syah Waliullah penterjemahan Al-Quran di dalam bahasa asing adalah dilarang. Beliau melihat orang-orang India membaca Al-Quran tanpa mengerti isi kandungannya. Ia merasa satu keperluan agar Al-Quran diterjemahkan ke dalam bahasa yang dapat difahami ramai. Penterjemahan Al-Quran ke dalam bahasa Persia disempurnakan oleh Syah Waliullah pada tahun 1758.<sup>54</sup> Terjemahan ini pada awalnya mendapat tentangan dari sebahagian besar ulama namun akhirnya diterima kerana masyarakat mendapat banyak manfaat daripada terjemahan tersebut. Anak beliau kemudiannya menterjemahkan Al-Quran ke dalam bahasa Urdu, iaitu bahasa yang lebih banyak digunakan oleh masyarakat India.

Syah Waliullah bukan sahaja menegaskan tentang kepentingan ijtihad tetapi juga telah meletakkan asas-asas dan prinsip-prinsipnya serta keadaan-keadaan yang perlu untuk melakukannya.<sup>55</sup> Beliau menjelaskannya di dalam buku-bukunya seperti *Izalatih, Hujjah, Aqdhul-Jid, Insaf, Budoori, Bazighah, Musaffa* dan lain-lain lagi. Apa sahaja yang telah diperbincangkan di mana-mana di dalam karangannya menunjukkan ketokohan beliau sebagai seorang ulama dan mujtahid yang benar dan terpelajar. Aspek yang jelas menunjukkan ketokohnya sebagai seorang mujtahid

---

pelbagai bentuk adat-istiadat tempatan dan bida'ah yang tidak ada kena mengena dengan Islam. Di samping itu beliau turut mengangkat pedang menentang perosak-perosak dan keganasan tentera-tentera Tartar.

<sup>54</sup> Lini S. May, *The Evolution of India-Muslim Thought After 1857*, hlm. 118.

adalah kesungguhan beliau mempersesembahkan gambaran lengkap tentang keintelektualan, akhlak, agama dan sistem kebudayaan Islam. Maududi mengatakan bahawa pendekatan yang mendalam dan logik yang dibuat oleh Syah Waliullah dalam mempersesembahkan Islam sebagai *nizamul-hayah* (sistem kehidupan) adalah begitu unik dan tiada bandingannya dalam seluruh sejarah Islam.<sup>56</sup> Begitu juga pendapat I.H.Qureshi mengatakan bahawa beliau menerangi jalan kepada generasi selepasnya

"...he did succeed remarkably in kindling a flame that lighted the way of many who came after him and worked for the preservation of the religious beliefs and the ideological entity of the Muslim community."<sup>57</sup>

### **Gerakan Mujahidin<sup>58</sup>**

Usaha-usaha kebangkitan (tajdid) yang dicetuskan oleh Syah Waliullah pada abad ke-18 telah diteruskan oleh anaknya, Syah Abdul Aziz (1746-1823). Beliau merupakan ulama terkemuka di zamannya. Pada ketika itu umumnya orang berpendapat bahawa belajar bahasa Inggeris adalah haram namun beliau memberi fatwa bahawa mempelajari bahasa Inggeris bukan sahaja dibolehkan tetapi adalah dituntut untuk menggalakkan kemajuan umat Islam.

<sup>55</sup> Untuk memahami dengan lebih mendalam tentang aspek-aspek perjuangan Syah Waliullah, lihat buku G.N. Jalbani, **Ajaran Syah Waliullah**, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1982.

<sup>56</sup> Ibid., hlm. 104.

<sup>57</sup> Ishtiaq Husain Qureshi, **Ulema in Politics**, Ma'aref Limited, 2ed. Karachi, 1974, hlm. 126.

<sup>58</sup> Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa gerakan ini adalah gerakan Wahabbi. Sila lihat tulisan W.C. Smith, **Modern Islam in India**, London, 1946. Lihat juga Zia Al-Hassan Faruqi, **The Deoband School and the Demand for Pakistan**, Bombay, 1963. Namun gerakan ini yang jelasnya berasal daripada perjuangan Syah Waliullah dan diteruskan oleh anaknya, Syah Abd. Aziz dan Sayyid Ahmad Syahid. Walaupun gerakan ini dan gerakan Wahabbi mementingkan kemurniaan Islam 'puritan' tetapi gerakan Mujahiddin tidak menolak sepenuhnya kesufian berbanding dengan gerakan Wahabbi yang menolak terus kesufian. Syah Waliullah sendirin mengamalkan kesufian namun menolak sebarang bentuk bida'ah dalam kesufian. Lihat S.M. Ikram, **Muslim Civilization in India**, Columbia University Press, Bombay, 1964, hlm. 286. Gerakan Mujahiddin yang didokong oleh Sayyid Ahmad Syahid juga berorientasikan

Pada waktu tersebut British telah mula menanam kekuasaannya di India dan kemajuan Barat telah mulai dirasakan oleh rakyat India, sama ada orang-orang Islam maupun Hindu. Namun orang-orang Hindu lebih terkehadapan mengadaptasi kemajuan Barat apatah lagi kedudukan mereka lebih baik dari segi ekonomi. Mereka mendapat tempat untuk bekerja dengan pihak British kerana penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik berbanding orang-orang Islam.

Salah seorang dari murid Syah Abdul Aziz yang menjawai idea-idea Syah Waliullah adalah Sayyid Ahmad Syahid (1786-1831). Menurut beliau umat Islam mundur kerana agama yang mereka anuti tidak lagi Islam yang murni tetapi Islam yang telah bercampur baur dengan adat-adat Persia dan tempatan. Umat Islam India harus dibawa kembali ke ajaran Islam yang murni. Untuk mengetahui ajaran murni tersebut mereka harus kembali kepada Al-Quran dan Al-Hadis. Dengan kembali kepada kedua-dua sumber tersebut bida'ah yang melekat di tubuh Islam dapat dihilangkan.

Pertamanya mereka perlu menyucikan akidah yang menjadi tunjang kekuatan umat Islam. Keyakinan mereka harus dibersihkan dari saham dan praktik kaum sufi yang mengadakan perkara bida'ah di dalam perkara agama seperti kepatuhan yang tidak terbatas kepada guru dan menziarahi kubur para wali untuk meminta syafaat. Mereka

---

menggerakkan umat Islam supaya mempunyai motivasi dan semangat Islam dalam berjihad melawan penjajah British

juga harus membersihkan diri dari fahamanan anismisme dan adat-istiadat Hindu yang masih menjadi amalan di kalangan umat Islam India.<sup>59</sup>

Idea politik beliau lebih mendapat tempat dalam masyarakat Islam India. Pada ketika itu India telah dikuasai oleh orang yang bukan Islam, oleh itu ia bukan lagi *Dar Al-Islam* malahan telah menjadi *Dar Al-Harb*. Dalam berhadapan dengan isu *Dar Al-Harb*, orang Islam harus mengambil salah satu dari dua sikap berikut iaitu sama ada berperang melawan *Dar Al-Harb* atau berhijrah meninggalkan *Dar Al-Harb* pergi ke negara *Dar Al-Islam*.<sup>60</sup> Sayyid Ahmad memilih untuk berperang.

Kerajaan Mughal pada waktu tersebut memang menghadapi hari-hari akhirnya. Kerajaan ini didirikan oleh orang-orang berasal dari Asia-Tengah yang berlainan bangsa dan berlainan agama dengan orang Hindu. Majoriti rakyat Kerajaan Mughal masih tetap beragama Hindu. Apabila kekuasaan Dinasti Mughal ini semakin menurun, golongan Hindu terutamanya kaum Mahrata mula melepaskan diri satu persatu dari kekuasaan Raja-raja Mughal. Daerah-daerah yang terletak jauh dari ibu kota melepaskan diri dan membentuk kerajaan yang merdeka di India Barat. Golongan Sikh turut mengadakan penentangan terhadap kerajaan Mughal. Di samping itu berdiri pula kerajaan-kerajaan kecil lain seperti Gwalior, Indore, Najpur dan Baroda. Inggeris turut memperbesarkan kawasan jajahannya. Daerah kekuasaan Kerajaan Mughal semakin kecil. Di sini bermulanya persoalan *Dar Al-Islam* dan *Dar Al-Harb*.

<sup>59</sup> Ibid., hlm. 161

Sayyid Ahmad berpendirian bahawa daerah-daerah yang telah jatuh ke tangan bukan Islam harus kembali ke tangan Islam. *Dar Al-Harb* mesti menjadi *Dar Al-Islam* kembali. Oleh itu timbulah perang jihad terhadap dua musuh iaitu Hindu di satu pihak dan Inggeris di satu pihak yang lain. Pihak Inggeris dengan kemajuan ekonomi, ilmu pengetahuan dan teknologinya ternyata kuat dan sukar untuk ditewaskan.

Sayyid Ahmad dengan Gerakan Mujahidinnya memulai perperangan terhadap golongan Sikh di India Utara. Pusat kekuatan mereka, Akora dapat ditawan seterusnya mereka dapat menguasai Peshawar. Kekuatan tentera dianggarkan berjumlah seratus ribu orang. Sementara itu, kerajaan Mughal dianggap sudah terlalu lemah dan tidak dapat lagi menguasai keadaan. Oleh kerana itu perlu dibentuk suatu *Imamah* iaitu negara yang diketuai oleh seorang Imam. Sayyid Ahmad telah dipilih sebagai Imam. *Imamah* telah dibentuk dalam tahun 1827. Namun ia tidak dapat bertahan lama kerana ketua-ketua suku bangsa melihat *Imamah* sebagai saingan terhadap kekuasaan mereka. Ini kerana Imam berhak melantik khalifah atau wakilnya untuk memungut zakat dan mengumpulkan para mujahidin untuk meneruskan jihad.<sup>60</sup>

---

<sup>60</sup> Lihat John L. Esposito, (ed.), *The Oxford Encyclopedia of Modern Islamic World*, Oxford University Press, Oxford, Vol. 1., 1995, hlm.338

<sup>61</sup> Harun Nasution, **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan**, hlm. 166.

Sayyid Ahmad syahid pada tahun 1831 dalam pertempuran melawan golongan Sikh di Balekot<sup>62</sup> Setelah kematiannya pengikut beliau terpecah kepada dua. Segolongan berpendapat bahawa mereka sudah tidak cukup kekuatan untuk meneruskan jihad. Oleh itu mereka meneruskan perjuangan dalam bidang pendidikan. Mereka membentuk madrasah Deoband yang kemudiannya mempunyai pengaruh yang besar di India. Segolongan yang lain meneruskan jihad di bawah pimpinan Maulvi Wilayat Ali (1852) dan Maulvi Inayat Ali (1858). Setelah kedua-duanya meninggal dunia Gerakan Mujahidin diteruskan oleh Maulvi Abdullah (1902) putera Maulvi Wilayat Ali. Pertempuran-pertempuran terus berlaku dengan golongan Sikh di Punjab. Kemudian Punjab jatuh ke tangan British. Golongan Mujahidin kemudiannya bertempur dengan British.

Sementara itu di kalangan orang-orang Hindu sudah timbul perasaan tidak senang hati terhadap British. Selain urusan perdagangan, sebab-sebab yang menimbulkan perasaan tidak puas hati orang-orang Hindu terhadap British adalah kerana tindakan British menanamkan kebudayaan mereka dalam masyarakat India yang kuat berpegang kepada tradisi agama. Pendidikan Inggeris sedikit sebanyak telah mula merosakkan keyakinan pemuda-pemuda Hindu. Dalam pada itu misi Kristian turut menyebarkan ajarannya di dalam masyarakat. Orang Hindu juga masih mendapat kedudukan yang rendah di dalam pemerintahan walaupun mempunyai pendidikan yang tinggi

<sup>62</sup> Ishraq Husain Qureshi, **Ulema in Politics**, hlm. 152.

Rasa tidak puas hati ini juga timbul di kalangan tentera-tentera Hindu yang berkhidmat dengan tentera British. Mereka telah mengadakan perjanjian dengan pimpinan Gerakan Mujahidin untuk sama-sama menentang British. Mereka juga dikatakan telah mencapai kata sepakat untuk mengakui Bahadur Syah sebagai raja seluruh India.<sup>63</sup>

### Dahagi 1857

Peristiwa Dahagi berlaku pada 10 Mei 1857 di Meerut. Ia adalah manifestasi ketidakpuashatian rakyat terhadap penguasaan politik dan ekonomi British di India. British berjaya memasuki India pada tahun 1602M melalui pantai Timur India iaitu di daerah Madras dan Calcutta. Pihak British mula membuka kongsi perdagangan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Portugis di Pantai Barat India. British mengadakan hubungan yang baik dengan gabenor-gabenor yang memerintah di daerah operasi syarikatnya demi melancarkan urusan perdagangannya.

Dalam pada itu berlaku perebutan kawasan perdagangan antara Portugis dan British. Dalam usaha mempertahankan dan mengembangkan syarikat miliknya di India, British mengirimkan tenteranya untuk mengusir Portugis dari bumi India. British berjaya dalam misi ini. Ini menyebabkan kongsi perdagangan sepenuhnya dikuasai oleh British. Pihak British juga sentiasa menunggu peluang hasil dari pertikaian di antara pembesar-pembesar kerajaan Mughal dalam perebutan kuasa. Hasil campur

---

<sup>63</sup> Harun Nasution, **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan**, hlm. 165.

tangan British mengeruhkan lagi keadaan. Dengan cara ini sedikit demi sedikit British berjaya menguasai India.<sup>64</sup>

Dalam keadaan Kerajaan Mughal yang semakin lemah, Pihak British melalui Syarikat Hindia Timur (EIC) pula semakin kuat dengan mengangkat senjata melawan pemerintahan Kerajaan Mughal. Perperangan yang berlarutan akhirnya menyebabkan Sultan Syah Alam membuat perjanjian damai dengan meyerahkan Oudh, Bengal dan Orissa kepada British.<sup>65</sup>

Seperti yang dinyatakan oleh Lini S. May, peristiwa Dahagi 1857 adalah kesinambungan rasa tidak puas hati rakyat yang berterusan dan rantai daripada beberapa pertempuran bermula di Plassey pada tahun 1757.

"That the movement of 1857 had been developing steadily for the past 50 years could be traced back to the Battle of Plassey with a chain of outbreaks in 1806, 1824, 1844, 1849 and with concentrated effect from the beginning of 1857 in the opinion of Arthur Magnin. The thesis expressed is that the victory gained by East India Company forces at Plassey (in 1757) opening the road to British political supremacy, at first in Bengal, and subsequently throughout India, produced resentment which intensified in the course of a century and burst forth in Mutiny."<sup>66</sup>

Pihak Inggeris juga berjaya memaksa Sultan Alam Syah menyerahkan hasil pungutan pajak di wilayah Benggala, Calcutta dan Bihar kepada Inggeris. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1806. pengaruh Inggeris telah meresap ke dalam masyarakat pada waktu itu. Raja-raja Mughal hanyalah boneka-boneka yang menjadi permainan British. British mula berkuasa dalam negeri dan syarikat perdagangannya kini

<sup>64</sup> Ahmad Fahmi Zamzam, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 132.

<sup>65</sup> Badri Yatim, **Sejarah Peradaban Islam**, PT RajaGrafindoPersada, Jakarta, 2000, hlm. 163. Libat juga S.M. Ikram, **Muslim Civilization in India**, Columbia University Press, London, 1964, hlm. 270.

<sup>66</sup> Lini S. May, **The Evolution of India-Muslim Thought After 1857**, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore, 1970, hlm. 1.

menjadi 'pemerintah' yang memegang kuasa. Harga barang dagangan semuanya ditentukan oleh British. Ekonomi rakyat dikuasai oleh Syarikat Hindia British.<sup>67</sup>

Penguasaan ekonomi yang berlebihan dan kekejaman yang dilakukan oleh Syarikat Hindia British menimbulkan rasa tidak puas hati dan kebencian terhadap British. Rakyat mula memberontak untuk membela kehormatan diri di samping ingin membebasakan diri daripada belenggu kekejaman British. Di Delhi puluhan ribu rakyat datang mengadap Sultan Bahdur Syah, raja Mughal yang memerintah ketika itu meminta agar baginda sudi menjadi lambang perjuangan penentangan terhadap British. Selepas itu seluruh lapisan rakyat sama ada Muslim maupun Hindu bangun memberontak terutamanya di Delhi.<sup>68</sup>

Golongan Mujahidin turut mengambil bahagian dalam pemberontakan tersebut. Namun pemberontakan tersebut gagal. Para pemimpin pemberontakan telah ditangkap dan dibuang daerah. Walaupun golongan Hindu yang memulakan pemberontakan, pihak Inggeris menganggap bahawa golongan Islamlah yang yang menjadi penggerak utama. Ini kerana Bahadur Syah dan pemimpin-pemimpin kerajaan Islam di Oudh dan Gerakan Mujahidin turut serta dalam pemberontakan tersebut. Pihak Islam menerima pukulan hebat dari peristiwa ini.<sup>69</sup>

Gerakan Mujahidin telah dihancurkan oleh Inggeris. Pengikut-pengikut utamanya mengikuti jejak langkah golongan Deoband, memberi tumpuan dalam bidang

<sup>67</sup> Harun Nasution, **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan**, hlm. 133.

<sup>68</sup> Ibid., hlm. 167.

pendidikan. Apatah lagi selepas peristiwa Dahagi 1857, British menyekat pendidikan agama di sekolah kerajaan dan memperkenalkan pendidikan Barat:

“Although government school were deemed to be progressive, the madrasah nevertheless retained its important role in educating to the beginning of the madrasah graduates were no longer guaranteed the important post in the government service, as had been in past. Moreover the government discarded the religious lesson from the syllabuses and promoted Western education by establishing modern schools and colleges where secular subjects were taught”.<sup>70</sup>

Oleh itu masyarakat Muslim melihat mereka tidak boleh bergantung kepada sekolah kerajaan kerana pendidikan agama tidak disediakan. Mereka tidak mempunyai pilihan lain kecuali membuka sekolah sendiri bagi memastikan generasi mereka menerima pendidikan Islam.<sup>71</sup>

Menurut Rizvi, Maulana Muhammad Qasim Nanantawi dibantu oleh beberapa orang tokoh ulama seperti Maulana Muhammad Ishaq, cucu Syah Abdul Aziz, Maulana Yaqub Nanantawi, Maulana Rashid Ahmad Gangohi, Maulana Zulfikar Ali dan Maulana Rafi’ Al-Din menubuhkan madrasah Deoband pada 13 Mei 1866/ 15 Muharam 1283H.<sup>72</sup> Selepas itu madrasah ini ditingkatkan menjadi pusat perguruan tinggi agama dengan nama Darul Ulum Deoband. Darul Ulum terus berkembang sehingga mampu melahirkan ramai ulama-ulama yang mempunyai pengaruh besar terhadap masyarakat Islam India. Kedudukan Darul Ulum adalah seperti Universiti Al-Azhar di Mesir.<sup>73</sup>

---

<sup>69</sup> Ibid., hlm. 168.

<sup>70</sup> Aizan Ali, **Islamic Institution of Education in British India: A Study on Deoband Madrasah**, hlm. 116. Lihat juga Mushirul Haq, **Islam in Secular India**, Simla, 1972, hlm. 23.

<sup>71</sup> Ibid., hlm. 118.

<sup>72</sup> Ibid., hlm. 119.

<sup>73</sup> Lini S. May, **The Evolution of India-Muslim Thought After 1857**, hlm. 124.

Idea-idea Syah Waliullah yang kemudian ditonjolkan oleh Sayyid Ahmad Syahid dan Gerakan Mujahidin menjadi pegangan golongan Deoband. Mereka mengutamakan pemurniaan tauhid umat Islam dari sisa-sisa fahaman animinisme dan juga salah faham agama yang dibawa oleh golongan tarekat sufi serta bida'ah yang masih menjadi amalan masyarakat Muslim India. Ulama Deoband cuba mewujudkan kefahaman Islam yang murni sebagaimana yang terdapat di zaman Nabi, sahabat dan tabi'in

Dalam bidang politik, mereka mengambil sikap anti Inggeris. Namun mereka bekerjasama dengan golongan Hindu. Ini mungkin disebabkan rentetan sejarah yang mewarnai pengalaman mereka sewaktu peristiwa Dahagi 1857. Mereka bekerjasama dengan Partai Kongres untuk menentang British. Liga Muslim tidak mendapat sokongan golongan Deoband kerana dianggap pro-British.<sup>74</sup>

Selepas peristiwa Dahagi 1857, ia telah menimbulkan dua kesan besar kepada orang Islam di India. Pertamanya Kerajaan British secara formalnya telah menggantikan kerajaan Mughal dan menamatkan penguasaan Syarikat Hindia Timur di India. Di bawah akta India 1858, Kabinet British melalui Setiausaha Kerajaan India bertanggungjawab ke atas seluruh jajahan India dan seluruh perkhidmatan kerajaan. Keduanya British telah menyalahkan orang-orang Islam di atas insiden yang berlaku pada tahun 1857 mula meningkatkan 'pemusuhan' terhadap mereka. Pihak British

<sup>74</sup> Harun Nasution, **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan**, hlm. 168.

mula memberikan keutamaan kepada orang-orang Hindu sama ada dalam dalam perkhidmatan kerajaan, pendidikan mahupun dalam peluang-peluang perniagaan.<sup>75</sup>

Dalam tempoh beberapa tahun, ia memberi kesan buruk kepada Muslim. Sehingga dalam perkhidmatan ketenteraan yang dikuasai orang-orang Pathan dan Muslim Punjabi telah ditutup peluang perkhidmatan mereka. Sir William Hunter yang menulis keadaan orang Islam setelah pemberontakan melaporkan bahawa hanya terdapat seorang Muslim sahaja di kalangan 240 orang peguam India di Calcutta antara tahun 1852-1868. Di Mahkamah Tinggi pula tiada seorang pun Muslim yang menjadi hakim. Daripada 1338 kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Bengal, hanya 92 orang sahaja Muslim.<sup>76</sup> Menurut Richard V. Weekes:

"The Muslim community, already bitter, withdrew further from the mainstream of intellectual, economic and political activity."<sup>77</sup>

Robinson pula mengatakan bahawa di dalam bidang perundangan dan pentadbiran, kakitangan Islam telah berkurangan dari 63.9% kepada 45.1% dalam tempoh 30 tahun selepas Dahagi 1857.<sup>78</sup>

### Sayyid Ahmad Khan

Setelah gagalnya Gerakan Mujahidin dan kejatuhan Kerajaan Mughal akibat peristiwa Dahagi 1857 muncul pula Sayyid Ahmad Khan mengemukakan idea-idea pemodenan untuk umat Islam di benua kecil India. Sayyid Ahmad Khan dilahirkan

<sup>75</sup> Richards V. Weekes, **Pakistan: Birth and Growth of A Muslim Nation**, D. Van Nostrand Company, New Jersey, 1964, hlm. 67.

<sup>76</sup> Ibid., hlm. 68.

<sup>77</sup> Ibid., hlm. 70.

pada 1817 di Delhi dalam keluarga yang turun-temurunnya bekerja dengan pemerintah Mughal. Beliau bekerja dengan East India Company sebagai seorang hakim di Delhi. Sewaktu Dahagi 1857 beliau banyak berusaha untuk menolong orang British dari dibunuh. Pihak British menyanjung tinggi pengorbanan Sayyid Ahmad Khan.<sup>79</sup>

Beliau mendokong faham *Qadariah* (free will and free act) iaitu kebebasan dan kemerdekaan manusia dalam menentukan kehendak dan melakukan perbuatan. Manusia menurutnya dianugerahi Tuhan daya berfikir dan daya fizik untuk mewujudkan kehendaknya. Manusia mempunyai kebebasan untuk mempergunakan daya-daya yang diberikan tuhan kepadanya. Selain berfahaman *qadariah* Sayyid Ahmad Khan juga percaya bahawa Tuhan telah menentukan tabiat atau 'nature' yang tersendiri. Beliau digelar sebagai *Nechari* iaitu perkataan Urdu yang bermaksud *nature*. Sewaktu Jamal al-din Al-Afghani berkunjung ke India pada tahun 1869 beliau menulis buku *Al-Radd 'Ala Al-Dahriyyin* (Jawapan bagi Kaum Materialis) yang mengecam idea-idea naturalisme dan materialisme.<sup>80</sup>

Beliau pernah mengatakan bahawa orang India jika dibandingkan dengan orang-orang Inggeris dalam pendidikan, akhlak dan kejujuran adalah seperti seekor haiwan kotor berbanding dengan seorang yang cekap dan jujur.<sup>81</sup> Beliau percaya bahawa

<sup>78</sup> Robinson Francis, **Separatism Among Indian Muslim**, Cambridge University Press, London, 1974, hlm. 22-23.

<sup>79</sup> Abdul Sani, **Lintasan Sejarah Pemikiran Perkembangan Modern Dalam Islam**, PT RajaGrafindo Persada, Jakarta, 1998, hlm. 145.

<sup>80</sup> Ibid, hlm 173

<sup>81</sup> Richards Symonds, **The Making of Pakistan**, Faber & Faber, London 1950, hlm 29

satu-satunya jalan untuk memajukan masyarakatnya ialah dengan mengambil ajaran dan ilmu Barat dan dengan cara mencari penyesuaian dengan bangsa British. Oleh itu banyak waktu dan usaha beliau dengan menggunakan nama agama, menunjukkan bahawa Islam dapat sejalan dengan nilai-nilai Barat. Antara usaha beliau yang besar adalah mendirikan Muhammadan Anglo-Oriental College (MAOC) yang kemudiannya dikenali sebagai Universiti Aligarh pada tahun 1875. Universiti ini banyak menyumbang dalam melahirkan golongan elit Muslim<sup>82</sup> seperti peguam dan doktor. Selain itu beberapa orang tokoh dan pemimpin gerakan pembaharuan di India adalah bekas pelajar Universiti Aligarh seperti Maulana Muhammad Ali pemimpin Gerakan Khilafat, Khwadja Nazimuddin dan Liaquat Ali, pemimpin Liga Muslim.

Untuk menggalakkan orang-orang Islam memasuki kolej ini beliau mengadakan maktab perguruan dimana bahasa Arab dan pelajaran agama diwajibkan. Manakala bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran lain. Struktur pembelajaran yang digunakan di sini adalah mengikut kaedah yang digunakan di Oxford dan Cambridge dan tiga orang tenaga pengajar pertamanya adalah dari Britain. Graduan lepasan universiti ini biasanya mudah mendapat pekerjaan dengan pihak pemerintah kerana mereka berkebolehan dalam menguasai bahasa Inggeris. Ini dinyatakan oleh Kalim Siddiqui "A degree from Aligarh become a passport to jobs, official patronage, social status and even affluence."<sup>83</sup>

<sup>82</sup> Lini S. May, **The Evolution of India-Muslim Thought After 1857**, hlm.78.

<sup>83</sup> Kalim Siddiqui, **Conflict, Crisis and War in Pakistan**, Macmillan Press, London, 1972, hlm 10.

Walau bagaimanapun menurut Abul Hassan Ali An-Nadwi, sistem pendidikan MAOC tersebut mempunyai dua kelemahan besar iaitu bersifat sekular dan dualisme, bukannya bersifat bersepada. Sungguhpun pelajaran agama masih di ajar, tetapi terpisah daripada ilmu-ilmu lain serta berasaskan berasaskan semangat materialisme.<sup>84</sup>

Sayyid Ahmad Khan melihat bahawa umat Islam India mundur kerana mereka tidak mengikuti perkembangan zaman. Peradaban Islam klasik telah hilang dan telah wujud peradaban baru, iaitu peradaban Barat yang berteraskan kepada akal fikiran. Idea-idea Sayyid Ahmad ini ditentang oleh ulama tradisional (mullah) yang menolak dan tidak dapat menerima isme-isme Barat apatah lagi menjadikan British sebagai pemerintah di India. Mereka berpendapat bahawa orang-orang Islam mempunyai kemampuan untuk mentadbirkan negara dan menggunakan kuasa dan kekayaan yang ada tanpa bantuan daripada pihak British. Ini kerana Islam mempunyai cara hidup, moral dan nilai tersendiri yang perlu dipertahankan.<sup>85</sup>

Beliau meninggal dunia dalam tahun 1898. Walaupun mendapat sanjungan daripada British sehingga mendapat gelaran 'Sir' pada tahun 1876 namun ramai di kalangan 'ulama' tradisional di India tidak menyenangi idea dan tindakan beliau yang terang-terang menyebelahi Inggeris. Sayyid Jamal Al-Din Afghani pernah menyatakan

---

<sup>84</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, **Pemikiran Islam Masa Kini:Sejarah dan Aliran**, hlm. 117.

<sup>85</sup> Lihat tulisan Abu Hassan Ali An Nadwi, **Western Civilization Islam and Muslim** (Terjemahan oleh Mohammad Asif Kidwai dari bahsa Urdu), Academic Research and Publications, India, 1978, hlm 70-71. Tulisan ini menggambarkan idea-idea dan pemikiran Syed Ahmad Khan yang mendapat kritikan daripada Afghani serta mengelar beliau sebagai golongan al- Dahriyyun.

bahawa Syed Ahmad Khan adalah golongan al-Dahriyyun dan memberi sokongan serta pembelaan terhadap pemerintahan British di India boleh membatalkan akidah.<sup>86</sup>

### **Muhammad Iqbal**

Beliau dilahirkan di Sialkot pada 22 Februari 1873 dari keturunan Kashmir yang menetap di Punjab. Setelah menamatkan pelajaran di Sialkot beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Lahore pada tahun 1895. Beliau melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana pada tahun 1905 di Universiti Cambridge dalam bidang undang-undang. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah di Universiti Munich dalam bidang falsafah moden. Selama berada di Eropah beliau banyak mempelajari watak bangsa Eropah.<sup>87</sup> Beliau mengatakan bahawa timbulnya segala macam kesulitan dan pertentangan adalah disebabkan oleh sifat-sifat individualisti dan egoisme yang berlebih-lebihan dan fahaman nasionalisme yang sempit. Kemudian beliau mendapat pendidikan di Universiti Cambridge dan Munich. Sebelum mengunjungi Eropah beliau sudah terkenal sebagai seorang penyair. Antara bait-bait syairnya yang terkenal:

*I have no need the ear of Today  
I am the voice of the poet of Tomorrow<sup>88</sup>*  
*(Aku tidak perlu telinga generasi hari ini  
aku adalah suara penyair hari esok)*

<sup>86</sup> Lihat tulisan Ali Mohammad, "Sayid Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Kritikannya Terhadap Golongan al-Dahriyyun" di dalam **Al-Manar**, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jun 1007, hlm. 41-49.

<sup>87</sup> Muhammad Iqbal, **The Reconstruction of Religious Thought In Islam**, Sh Muhammad Ashraf, Lahore, 1934, hlm x.

<sup>88</sup> Ibid, hlm. xii

Syair-syair Iqbal mempunyai kekuatan yang tersendiri. Menyeru manusia dari kelalaian dan membangkitkan semangat umat untuk berjuang dan melaksanakan kewajipan walaupun umat Islam pada masa tersebut tidak mengerti atau tidak mahu menyahut seruannya, beliau yakin generasi akan datang akan memahami dan mengikutinya.

Sewaktu berada di London beliau sering memberi ceramah-ceramah mengenai Islam. Ceramahnya di Caxton Hall yang pertama kali diadakan telah disiarkan di suratkhabar-suratkhabar terkemuka di sana. Pada bulan Ogos 1908 beliau kembali ke tanahair dan mengetuai Government College di Lahore. Buku beliau, *Asrar-I-Khudi* yang mengandungi buah fikirannya tentang perjuangan hidup telah menimbulkan perbahasan dan kemarahan di kalangan ahli-ahli tasauf yang lebih selesa hidup dengan zikir-zikir tertentu, menyendiri dan tidak mengambil tahu tentang masalah umat. Selain itu beliau menulis buku *Rumuz-I-Bekhudī* dalam bahasa Parsi yang mengandungi ajaran-ajaran tentang kehidupan individu dan bermasyarakat orang-orang Islam. Buah fikiran beliau yang diselangi dengan syair-syair indah dan mendalam maksudnya diabadikan dalam beberapa buah buku antaranya *Payam-i-Mashriq* (1923), *Zabur-I-Adjam* (1929), *Musafir* (1934). Buku-buku ini ditulis dalam bahasa Persia, manakala buku-buku dalam bahasa Urdu adalah seperti *Bal-i-jirai* (1935), *Darb-i-Kalam* (1937) dan *Ihmul Iqtisad* (1901). Beliau turut menulis buku-buku dalam bahasa Inggeris iaitu *The Development of Metaphysics in Persia* (1908) dan *The Reconstruction of Religious Thought in Islam* (1934).<sup>89</sup>

<sup>89</sup> Ibid. lilm. xiv

Hal ini katanya akan mewujudkan sebuah masyarakat yang tidak mementingkan masalah masyarakat.<sup>91</sup>

Menurut Iqbal hukum di dalam Islam tidak bersifat statik tetapi ia berkembang sesuai dengan perkembangan zaman. Pintu ijtihad katanya, tidak pernah tertutup. Beliau menerima idea-idea Ibnu Taimiyyah dan Muhammad Abd. Wahab yang membuka pintu ijtihad.

Iqbal dalam pidato-pidato dan syair-syairnya menyeru umat Islam agar berusaha untuk membentuk negara Islam tanpa mengikut prinsip dan lunas-lunas demokrasi Barat. Prinsip demokrasi Barat mengikut Iqbal tidak sesuai digunakan di India kerana prinsip demokrasi tersebut menafikan hak-hak golongan minoriti. Oleh itu tuntutan umat Islam untuk membentuk India Islam dalam wilayah India adalah adil dan tepat.<sup>92</sup>

Mengenai faham Nasionalisme, Iqbal mengatakan bahawa beliau telah menolak faham nasionalisme sejak sahaman tersebut belum begitu dikenali di India. Beliau berkata:

"Love of one's native land is natural instinct and requires no impressions to nourish it. In the present day political literature, however, the idea of nation is not merely geographical; it is rather a principle of human society and as such it is a

<sup>91</sup> Harun Nasution, **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan** hlm. 196. Lihat juga Abdul Sani, **Lintasan Sejarah Pemikiran Perkembangan Modern Dalam Islam**, PT RajaGrafindo Persada, Jakarta, 1998, hlm. 171.

<sup>92</sup> Lihat Abdul Sani, **Lintasan Sejarah Pemikiran Perkembangan Modern Dalam Islam**, PT RajaGrafindo Persada, Jakarta, 1998, hlm. 167-172.

political concept. Since Islam also is a law of human society, the word 'country' when used as a political concept, comes with conflict with Islam.<sup>93</sup>

Beliau menentang saham nasionalisme kerana jika sahaman tersebut dibiarkan berkembang ia akan menumbuhkan benih-benih materialisme yang dianggapnya sebagai bahaya yang besar kepada umat Islam. Agama menurut Iqbal bukan sahaja untuk perubahan individu tetapi juga bertujuan bagi perubahan kehidupan sosial yang seterusnya akan mengubah world-view. Agama juga bukan urusan nasional dan kumpulan tertentu dan bukan urusan individu tetapi adalah urusan kemanusian dan tujuannya adalah untuk mempersatukan dan mengorganisasikan umat manusia dari pelbagai perbezaan.<sup>94</sup>

Iqbal dengan sajak-sajaknya berhasil mengembangkan dan melestarikan Islam sebagai sebagai pedoman dalam menghadapi dunia, sajak sememangnya mengandungi kata-kata bersayap dan Iqbal dapat mengungkap pandangan hidupnya yang jauh. Sajak juga tentunya mempunyai keterbatsan, ia tidak mengungkap konsep dan program namun dengan sajak ia tanamkan nilai-nilai murni Islam kepada khalayak ramai, beliau berjaya dalam konteks ini. Apatah lagi pandangan falsafahnya menyentuh kalangan pemimpin Muslim di India. Beliau merupakan pejuang kepada satu negara khusus untuk umat Islam di India.<sup>95</sup>

<sup>93</sup> Harun Nasution, **Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan**, hlm. 226.

<sup>94</sup> Muhammad Iqbal, **Membangun Kembali Pikiran Agama Dalam Islam**. (Terjemahan Audah Ali). Tintaemas, Jakarta, 1964, hlm. 10.

<sup>95</sup> Ibid., hlm x.

Walaupun Iqbal mendapat pendidikan daripada Barat namun idea-idea beliau terutama yang disampaikan melalui sajak-sajaknya yang puitis menggambarkan seruan beliau agar umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang murai dan mengikut kembali jalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Dalam masa yang sama beliau turut menggalakan umat Islam mengadaptasi keilmuan Barat seperti sains dan teknologi bagi melengkapkan diri menjadi umat yang memimpin dunia. Bolehlah dikatakan di sini beliau berada di dalam kelompok pemikir Islam yang beraliran reformisme.

### **Maulana Mohammed Ali**

Maulana Mohammed Ali dengan beberapa orang lagi rakannya seperti Hakim Ajmal Khan, Hasan Khan, Zafar Ali Khan dan Fazal Haque telah memimpin Kumpulan Ehrar. Maulana Mohammed Ali telah menghadiri persidangan Mohammadan Seluruh India pada tahun 1906 yang diadakan di Dacca yang mana dari persidangan tersebut lahirlah Liga Muslim Seluruh India. Mereka bukan sahaja inginkan orang-orang Islam yang tidak mendapat kerja yang lebih baik khususnya di dalam perkhidmatan awam namun beliau juga inginkan orang-orang Islam tidak merendah diri dan tunduk kepada kerajaan British. Namun Liga Ehrar menggunakan pendekatan melibatkan diri dalam gerakan kebangsaan bersama-sama Indian National Congress (INC). Maulana Mohammed Ali menekankan perlunya mereka bersatupadu dengan seluruh kumpulan Muslim termasuk ulama Deoband dan Farghi Mahal yang tidak bersetuju dengan gerakan Aligarh. Selain itu mereka bercita-cita untuk membentuk masyarakat Islam yang patuh dan taat kepada ajaran

Islam dengan idea dan gerakan yang tersendiri. Maulana Mohammed Ali kemudiannya meletakan jawatan dengan kerajaan negeri Baroda dan menerbitkan suratkhabar yang terkenal Comrade yang berpusat di Calcutta.<sup>96</sup>

Pada waktu yang sama juga muncul beberapa pertubuhan yang hampir sama yang memperjuangkan Pan Islamisme sebagaimana idea yang di bawa oleh Jamal al- Din al-Afghani. Antaranya Pertubuhan Ulema yang diterajui oleh Abul Kalam Azad.

### **Abul Kalam Azad**

Beliau merupakan anak seorang ulama terkenal dan mendapat pendidikan agama. Abul Kalam (1888-1958) lahir di Mekah. Dengan latar belakang keluarga dan pendidikan agama yang diperolehi beliau mempunyai kesempatan yang cukup besar untuk menjadi seorang ulama terkemuka. Pada peringkat awal beliau dikenali sebagai jurucakap Islam yang terkenal. Pertubuhan Ulema misalnya yang diterajui oleh beliau menerbitkan akhbar *Al Hilal*. Kumpulan ini telah mewujudkan semangat politik di kalangan umat Islam India melalui akhbar keluaran mereka. *Al Hilal* membawa idea dan slogan *Imamat* dan *Khalifah Islamiyah* yang perlu diperjuangkan. Dalam keadaan itu kerajaan British mengambil kesempatan melakukan beberapa polisi untuk menyekat pergerakan kumpulan tersebut. Antaranya British cuba mengikat perhubungan yang lebih erat antara INC dan Liga Muslim supaya mereka lebih bersatu. Pada masa yang sama Inggeris mula menangkap pemimpin pergerakan

<sup>96</sup> H A Mukti Ali, **Alam Pikiran Islam Modern di India dan Pakistan**, Penerbit Mizan, Bandung, hlm. 128

Islam yang dianggap eksterimis. Akbar-akbar keluaran mereka turut diberhentikan pengeluarannya. Abul Kalam Azad telah dipenjarakan.<sup>97</sup>

Namun segala-galanya berubah apabila beliau keluar dari penjara di India pada tahun 1920, beliau mula dikenali sebagai nasionalis-sekular. Dalam hal ini Abu A'la Al Maududi mengatakan bahawa:

"Up till 1920-1921 Maulana Abul Kalam Azad was an enthusiastic exponent of Islamic revival and the Khilafat movement, but afterwards he turned a complete somersault, in thought and action; so much so that many people took their eyes to make sure whether he was the same Azad or by some process of metamorphosis, a new person had been born within him. Abul Kalam Azad was now a 100% Indian Nationalist and a vociferous protagonist of a single Indian nationhood of Muslims and non-Muslims. He assimilated the so-called theory of unity of religions expounded by some Hindu philosophers and the Western theory of biological evolution. The imprint of these theories clearly be seen in his commentary on Holy Quran."<sup>98</sup>

Suasana pada ketika itu (1920-1930-an) umat Islam di India menghadapi pelbagai krisis yang mengancam kehidupan mereka. Sepanjang tahun 1940-an terdapat tiga bentuk penyelesaian di dalamnya, iaitu<sup>99</sup>:

- a) Dasar bersatu dengan perjuangan nasionalisme di India
- b) Dasar berkongsi kuasa dengan India dalam persekutuan yang lemah.
- c) Dasar pembahagian India kepada dua buah negara tersendiri.

Abul Kalam mendokong bentuk penyelesaian yang pertama bersama-sama dengan tokoh Islam lain beliau menyertai parti INC bahkan beliau menjadi sahabat karib

<sup>97</sup> Ibid., hlm. 148. Lihat juga Abdul Sani, **Lintasan Sejarah Pemikiran Perkembangan Modern Dalam Islam**, hlm. 157.

<sup>98</sup> Maryam Jameelah, **Islam and Modernism**, Muhammad Yusof Khan, Lahore, 1975, hlm. 69.

<sup>99</sup> Abd. Rahman Hj. Abdullah, **Pemikiran Islam masa Kini: Sejarah dan Aliran**, hlm. 123

Mahatma Ghandi, Muhammad Ali Jinnah dan Liga Muslim pada awalnya memperjuangkan dasar kedua namun kemudiannya memperjuangkan dasar ketiga iaitu membahagikan India kepada dua buah negara yang berasingan masing-masing untuk orang-orang Hindu dan Islam. Abul Kalam dengan penuh keyakinan mempertahankan polisi 'non-violent' Ghandi dalam perjuangan menuntut kemerdekaan India. Bukan sekadar itu bahkan beliau dengan lantang mengecam Muhammad Ali Jinnah yang menuduh Indian National sebagai anti Islam.

Perjuangan Jinnah untuk membentuk negara Islam tersendiri telah di tolak mentah-mentah dan dikatakan sebagai memutar jam perjalanan ke belakang. Seperti kata Maududi sebelum ini, Abul Kalam Azad juga dipengaruhi oleh teori kesatuan agama serta teori evolusi dalam tafsirannya terhadap Al Quran. Dalam tafsirannya menunjukkan sifat elektisisme iaitu sifat toleransi dan kompromi kepada pelbagai teori dan fahaman. Apa yang jelas ideanya banyak dipengaruhi oleh campuran pelbagai unsur seperti sufisme, falsafah Greek, modenisme Barat dan ajaran-jaran daripada Bible dan kitab Hindu.<sup>100</sup>

## Kesimpulan

Melalui peristiwa-peristiwa yang digambarkan di atas dapat difahami bahawa benua kecil India sentiasa berada dalam keadaan pergolakan dan berlaku pertembungan antara umat Islam dengan orang-orang Hindu begitu juga penjajah British. Dalam pada itu golongan ulama bangkit untuk menyedarkan masyarakat untuk kembali

<sup>100</sup> Ibid., hlm. 125

kepada ajaran Islam yang sebenar. Dapat dilihat disini terdapat tiga aliran pemikiran utama yang mewarnai perjalanan sejarah kebangkitan umat iaitu golongan tradisional, modenis dan reformis. Walaupun masing-masing memperjuangkan nasib umat Islam namun mempunyai jalan berfikir dan pendekatan, berbeza untuk mengembalikan tamadun umat Islam yang gemilang. Syah Waliullah misalnya menyatakan bahawa kelemahan umat Islam adalah disebabkan oleh sifat taqlid yang menguasai umat Islam justeru melahirkan cara berfikir statik dan beku. Selain itu corak pemerintahan yang tidak menggunakan sistem kekhilafahan juga menyumbang kepada kelemahan dan kemunduran umat Islam. Sayyid Ahmad Khan pula lebih terpengaruh dengan idea-idea Barat dalam usaha mengembalikan kegemilangan umat Islam. Manakala golongan ulama Deobandi menggunakan kaedah pengajaran dan pendidikan berbanding golongan Mujahidin yang menggunakan pendekatan peperangan. Susurgalur perjuangan golongan ulama terdahulu ini adalah penting untuk dijadikan perbandingan dengan pemikiran dan pendekatan yang digunakan oleh Abul A'la Maududi di dalam usaha-usaha pembentukan tamadun Islam di benua kecil India.